



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PUNCAK PERDANA CAMPUS, SELANGOR

FACULTY OF INFORMATION SCIENCE

**BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE IN RECORDS MANAGEMENT
(CDIM261)**

IMR621: ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

PROJEK SEJARAH LISAN: TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

PUAN RAFIZAH A'ILYAN BINTI ABDUL RAZAK

PENOLONG PENGUSAHA KRAFTANGAN LABU SAYONG KZ KRAF ENTERPRISE

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL SOLEHAH BINTI ROSLI (2025183957)

NURFATIN SYAKIRAH BINTI MUHAMMAD AIREY (2025177269)

KUMPULAN:

CDIM2615C

PENSYARAH:

DR HANIS DIYANA KAMARUDIN

TARIKH:

13th JULY 2026

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN RAFIZAH A'ILYAN BINTI ABDUL RAZAK
PENOLONG PENGUSAHA KRAFTANGAN LABU SAYONG KZ KRAF ENTERPRISE

OLEH:
NURUL SOLEHAH BINTI ROSLI (2025183957)
NURFATIN SYAKIRAH BINTI MUHAMMAD AIREY (2025177269)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN REKOD CAWANGAN SELANGOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR621 - ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
SENARAI ABREVIASI.....	ii
SINGKATAN NAMA/AKRONIM.....	iii
ABSTRAK.....	iv
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	1
1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA.....	1
1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA.....	2
2.0 BIODATA TOKOH.....	3
3.0 PENGENALAN	4
3.1 PENDAHULUAN.....	5
3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	6
3.3 PERMASALAHAN KAJIAN.....	8
3.4 OBJEKTIF KAJIAN	9
3.5 PERSOALAN KAJIAN	9
3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	10
4.0 TINJAUAN LITERATUR	10
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	15
6.0 RALAT TEMUBUAL	59
7.0 LOG TEMUBUAL.....	60
8.0 RUMUSAN	62
9.0 INDEKS	63
RUJUKAN	64
LAMPIRAN.....	65

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kami telah diberikan kesihatan, kekuatan dan kesempatan untuk menyiapkan tugas bagi kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan dan Warisan Budaya (IMR621), dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Dr. Hanis Diyana binti Kamarudin, pensyarah kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan dan Warisan Budaya (IMR621), atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan tugas ini.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak, Penolong Pengurus KZ Kraf, selaku informan utama yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual serta berkongsi ilmu, pengalaman dan maklumat berkaitan sejarah, proses pembuatan dan perkembangan Labu Sayong. Kerjasama yang diberikan amat bermakna dalam menjayakan tugas ini.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua ahli kumpulan atas komitmen, kerjasama dan sikap saling membantu sepanjang menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan sokongan secara langsung atau tidak langsung. Akhir kata, kami berharap agar tugas ini dapat memberikan manfaat kepada pembaca serta menjadi rujukan yang berguna pada masa akan datang.

SENARAI ABREVIASI

Singkatan/Akronim	Maksud Penuh
UiTM	Universiti Teknologi MARA
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
USAS	Universiti Sultan Azlan Shah
RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah)
KASTAM (JKDM)	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
PMX	Perdana Menteri Malaysia Ke-10

SINGKATAN NAMA/AKRONIM

Singkatan	Nama Penuh
PRA	Puan Rafızah A'ilyan binti Abdul Razak
NSR	Nurul Solehah binti Rosli
NFS	NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey

ABSTRAK

Temu bual ini melibatkan dua orang pelajar iaitu Nurul Solehah dan NurFatin Syakirah, bersama **Puan Nur Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak**, Penolong Pengurus KZ Kraf di Kuala Kangsar, Perak. Temu bual ini dijalankan bagi mendokumentasikan sejarah lisan serta warisan budaya pembuatan Labu Sayong. Perbincangan memfokuskan kepada latar belakang KZ Kraf, sejarah perusahaan, proses pembuatan Labu Sayong, penggunaan bahan dan teknik tradisional, cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan warisan, penggunaan teknologi, usaha promosi serta sokongan daripada agensi kerajaan. Selain itu, temu bual turut membincangkan peranan KZ Kraf dalam melahirkan generasi baharu melalui aktiviti latihan, bengkel dan program pendidikan bagi memastikan kesinambungan warisan Labu Sayong. Pendokumentasian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang berguna serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara warisan kraf tradisional negara.

Kata kunci: *sejarah lisan, Labu Sayong, KZ Kraf, warisan budaya, kraf tradisional, Kuala Kangsar.*

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



Nama	Nurul Solehah binti Rosli
No matriks	2025183957
Program	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rekod
Kod Kursus	CDIM261
Fakulti	Fakulti Sains Maklumat
Peranan dalam kajian	Penemu bual dan penyelidik
Tanggungjawab	Menyediakan soalan temu bual, menjalankan temu bual, merekod dan mentranskripsikan data, menganalisis dapatan serta menyediakan laporan kajian mengikut etika penyelidikan.

1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



Nama	NurFatin Syakirah Binti Muhammad Airey
No matrix	2025177269
Program	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rekod
Kod Kursus	CDIM261
Fakulti	Fakulti Sains Maklumat
Peranan dalam kajian	Penemu bual dan penyelidik
Tanggungjawab	Menyediakan soalan temu bual, menjalankan temu bual, merekod dan mentranskripsikan data, menganalisis dapatan serta menyediakan laporan kajian mengikut etika penyelidikan.

2.0 BIODATA TOKOH



Nama:	Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak
Nama Samaran:	Puan Fiza / Kak Fiza
Tarikh Lahir:	12 Oktober 1980
Tempat Lahir:	Kedah
Alamat:	Lot 1191 T/L KKB 7A/ 9A/ 1 Kampung Kepala Bendang, 33040 Kuala Kangsar, Perak
No. Telefon:	012-5352164
Profesion:	Penolong pengusaha Labu Sayong
Bidang:	Kraftangan Tradisional

3.0 PENGENALAN

Pendokumentasian Sejarah Lisan dan Warisan Budaya merupakan salah satu kursus yang ditawarkan di bawah kod IMR621, di mana pelajar dikehendaki menjalankan temu bual bersama seorang tokoh atau individu yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan dalam sesuatu bidang sebagai memenuhi keperluan kursus. Melalui kursus ini, pelajar didedahkan kepada kaedah merancang dan melaksanakan temu bual, menggunakan etika komunikasi yang betul, menyediakan transkrip yang tepat serta menghasilkan dokumentasi sejarah lisan yang berkualiti.

Kursus ini bertujuan memelihara dan mendokumentasikan pengalaman, pengetahuan serta warisan yang disampaikan secara lisan agar dapat dijadikan sumber rujukan kepada generasi akan datang. Pendokumentasian sejarah lisan juga memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya, khususnya maklumat yang tidak direkodkan secara bertulis atau sukar diperoleh daripada sumber lain.

Bagi memenuhi keperluan tugas ini, kami telah menjalankan temu bual bersama Puan Nur Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak, Penolong Pengurus KZ Kraf, Kuala Kangsar, Perak. Temu bual ini memfokuskan kepada sejarah penubuhan KZ Kraf, proses pembuatan Labu Sayong, cabaran dalam mengekalkan warisan tersebut, usaha pemeliharaan dan promosi, serta peranan perusahaan ini dalam memperkenalkan seni kraf tradisional Malaysia kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Rakaman temu bual kemudiannya ditranskripsikan mengikut format dan penggunaan tanda bacaan yang betul sebagaimana yang dipelajari dalam kursus ini. Diharapkan hasil pendokumentasian ini dapat menjadi bahan rujukan yang bermanfaat serta menyumbang kepada usaha memelihara warisan budaya Labu Sayong.

3.1 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan negara yang memiliki pelbagai sejarah terutama sekali dalam seni kraf tangan tradisional yang berkualiti tinggi. Pembuatan tembikar telah wujud sejak dari zaman pra-sejarah lagi, kemudian ia bersusur galur sehingga ke hari ini. Sehingga kini perusahaanya masih lagi berjalan di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia (Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah & Mazlina, 2021). Menurut seorang penyelidik, pembuatan seramik adalah salah satu aktiviti tertua dalam sejarah manusia (Ahmad Fauzi, 2009). Pernyataan ini juga dapat dikukuhkan lagi dengan kajian oleh arkeologi tentang penemuan peralatan seramik yang dihasilkan pada zaman dahulu. Dalam hal ini, walaupun terdapat kajian sebelum ini telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai bila bermulanya orang Melayu membuat tembikar, namun menghadapi kesulitan kerana sejarah dalam penghasilan tembikar pada zaman dahulu tidak dicatat dengan baik (Azmi Arifin, Muhammad Luthfi Abdul Rahman & Tarmiji Masron, 2010).

Berdasarkan ahli arkeologi, kajian mengenai tembikar ini dianggap sangat penting dan berguna. Hal ini kerana, ia dapat membantu dalam memahami dan membina semula sejarah, budaya, dan seni masa lalu dan menjadikannya sebagai satu kemajuan negara dalam tafsiran sejarah di tahap peradaban (Stephen Chia, 1995). Tembikar Melayu primitif telah dikaji untuk pertama kalinya sejak abad ke-20, ketika ditemui di gua iaitu lokasi penggalian di seluruh negara. Antara lokasi penggalian awal tembikar adalah di Kuatcha, Kelantan; Bukit Tengku Lembu, Perlis; Ulu Tembeling, Pahang; Bukit Tambun, Perak; Niah, Gua Sarawak (Siti Zainon, 1989 dan Shamsu Mohamed, 2005).

Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian berkenaan dengan pembuatan Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak. Labu sayong merupakan hasil seni kraftangan yang diperbuat daripada tanah liat yang diuli, diukir dengan pelbagai corak, lalu ia akan diasapkan serta dibakar bagi menghasilkan satu bentuk yang sangat unik, cantik, berseni ((Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah & Mazlina, 2021). Tradisi pembuatan labu sayong ini memberi kesan yang sangat positif dalam kehidupan kepada komuniti pada hari ini, namun ia juga telah berkembang menjadi satu tarikan kepada para pelancong tempatan di Kuala Kangsar. Namun, lama-kelamaan tradisi ini menghadapi persaingan yang tinggi dengan pelbagai jenis cenderahati yang lain (Nura'mirah Mat Ali dan Azran Mansor, 2024).

3.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Labu Sayong membawa maksud yang tersendiri seperti 'labu' bermaksud bekas yang berwarna hitam manakala 'sayong' pula bermaksud sebuah perkampungan atau mukim yang berada di salah satu daerah di Kuala Kangsar. Labu sayong diperbuat daripada tanah liat serta akan dibentuk dan diukir dengan pelbagai ukiran atau motif bagi mempamerkan unsur tradisional pada Labu Sayong tersebut seperti bunga tanjung, padi, lawang, cengkih dan pucuk rebung (Nur Adilah, Nur Aisyah & Mohd Nizam, 2021). Selain itu, Labu Sayong juga berasal daripada labu yang telah dibawa ke Sayong oleh Tuk Kaluk yang datang dari Minangkabau pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar. Beliau telah dianugerahkan tanah oleh sultan di Kampung Kepala Bendang sebagai tanda penghargaan terhadap kebolehannya dalam bidang pertukangan seperti pedang, parang, dan juga tembikar yang telah banyak membantu penduduk di sekitar itu. Oleh itu, Tuk Kaluk mula mengajar penduduk di situ membuat Labu Sayong sendiri sehingga hari ini (Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah & Mazlina, 2021).

Di samping itu, Labu Sayong yang berwarna hitam banyak didapati di Sayong, Kuala Kangsar. Wujudnya Labu Sayong hitam ini adalah daripada buah labu tua yang telah dikeluarkan isinya dan dibersihkan bagi dijadikan sebagai bekas untuk menyimpan air. Pada zaman dahulu, Labu Sayong ini merupakan alat yang digunakan untuk menyimpan air minuman di majlis kenduri. Antara keistimewaan pada Labu Sayong hitam ini adalah air yang disimpan itu akan menjadi sejuk dan ia boleh dijadikan penawar bagi penyakit seperti batuk dan demam panas. Ia juga dijadikan sebagai bekas air ketika menziarahi tanah perkuburan (Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah & Mazlina, 2021).

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah memilih Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak yang merupakan peonolog pengusaha KZ Kraf Labu Sayong di Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar, Perak. Hal ini kerana, kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berdasarkan pengalaman serta pengetahuan beliau dalam pembuatan Labu Sayong.

3.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji isu yang berkaitan dengan pembuatan Labu Sayong. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian ini antaranya ialah mengenai sejarah asal usul Labu Sayong yang berbeza dan tidak dapat dikenalpasti sumber sejarah tersebut. Hal ini kerana, apabila sesuatu sumber yang tidak sahih diceritakan maka ia akan menimbulkan salah faham dalam sesuatu perkara.

Selain itu, kemungkinan sebahagian daripada kita mungkin kurang mengambil tahu atau melihat sendiri proses pembuatan serta teknik yang digunakan bagi menghasilkan Labu Sayong. Hal ini kerana, untuk menghasilkan sebuah Labu Sayong ia memerlukan teknik yang betul bagi menghasilkan sesebuah Labu Sayong itu kemas dan cantik. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengumpulkan maklumat mengenai pemprosesan Labu Sayong agar dapat dijadikan sebagai rujukan dalam meneruskan legasi memelihara salah satu warisan negara (Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah & Mazlina, 2021).

Seterusnya, penggunaan Labu Sayong pada hari ini semakin berkurangan. Segelintir masyarakat mungkin kurang mengetahui tentang kebaikan Labu Sayong. Oleh itu, pembuatan Labu Sayong ini kurang mendapat sambutan dan sokongan dari masyarakat. Hal ini akan menyebabkan generasi akan datang tidak tahu tentang kewujudan dan kegunaan labu sayong ini kerana pemasaran kraftangan ini kurang mendapat perhatian (Nur Adilah, Nur Aisyah & Mohd Nizam, 2021).

3.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

- a) Mengenal pasti sejarah perusahaan Labu Sayong di Kuala Kangsar.
- b) Mendokumentasikan proses pembuatan dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan Labu Sayong.
- c) Memahami sebarang cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dalam mengekalkan warisan Labu Sayong dalam era moden.

3.5 PERSOALAN KAJIAN

Bahagian ini mengandungi soalan yang hendak dijawab dalam kajian. Soalan kajian biasanya dibina berasaskan objektif kajian dan perlu mempunyai kaitan dengan pernyataan masalah.

- a) Apakah sejarah Labu Sayong berdasarkan pendekatan sejarah lisan daripada pengusaha tempatan di Kuala Kangsar?
- b) Bagaimanakah proses pembuatan serta teknik yang digunakan dalam menghasilkan Labu Sayong?
- c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dalam mengekalkan warisan Labu Sayong dalam era moden?

3.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk pemeliharaan dan pendokumentasian aset budaya tidak ketara, terutamanya yang berkaitan dengan pengeluaran Labu Sayong. Kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan untuk mencatat pengalaman, kepakaran dan kebolehan pengusaha Labu Sayong yang mungkin tidak pernah ditulis sebelum ini. Hal ini penting kerana apabila generasi tua berhenti menyampaikan maklumat kepada generasi muda, tradisi seperti Labu Sayong berisiko untuk hilang. Di samping itu, dengan meningkatkan pengetahuan awam tentang kepentingan sejarah dan identiti kraftangan Labu Sayong, kajian ini dapat menggalakkan inisiatif untuk memelihara yang lebih berjaya. Dari segi sumbangan, organisasi berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan apabila membangunkan pelan pemuliharaan warisan. Selain membantu pemilik perniagaan tempatan memelihara identiti dan daya maju sektor kraftangan tradisional, kajian ini juga meningkatkan pemahaman kita tentang sejarah lisan dan penyimpanan rekod warisan budaya.

4.0 TINJAUAN LITERATUR

Secara umumnya, kajian literatur merupakan ulasan kritis terhadap bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan topik kajian yang sedang dijalankan. Secara dasarnya, proses ini melibatkan aktiviti mengumpul, meneliti, dan menganalisis penulisan ilmiah terdahulu seperti buku, artikel jurnal, dan laporan penyelidikan. Melalui kajian literatur, penyelidik dapat memahami latar belakang masalah dengan lebih mendalam.

Sejarah asal usul Labu Sayong mempunyai banyak versi dan ia sukar untuk dipastikan kesahihannya. Hal ini kerana, pada zaman dahulu, segala sejarah asal usul mengenai penciptaan tembikar tidak dicatat dengan baik dan jelas. Oleh itu, maklumat yang didapati pada ketika itu hanya cerita lisan daripada masyarakat pada zaman dahulu. Namun, menurut kajian daripada ahli arkeologi mengatakan bahawa pembuatan tembikar di Malaysia bermula sejak dari ribuan tahun dahulu iaitu pada zaman prasejarah.

Labu Sayong mula berkembang dari Kampung Kepala Bendang Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Pada masa itu, Labu Sayong telah dibawa ke Sayong oleh seorang lelaki yang bernama Tuk Kaluk yang berasal daripada Minangkabau semasa pemerintahan Sultan Iskandar. Beliau mempunyai hubungan baik dengan pihak istana pada masa itu. Sultan telah menghadiahkan beliau tanah sebagai tanda penghargaan kepada beliau disebabkan Tuk Kaluk mahir dalam membuat barangan seperti pedang, parang, produk kayu, dan tembikar. Selepas Tuk Kaluk mengajar penduduk setempat cara membuat Labu Sayong, ilmu itu telah diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga kini (Nur Adilah, Nur Aisyah & Mohd Nizam, 2021).

Menurut cerita dari versi yang lain daripada penduduk tempatan pula, masyarakat dahulu menggunakan buah labu yang tua dan dikeringkan sebagai bekas untuk menyimpan air. Buah labu itu dibentuk menjadi bekas air. Setelah masyarakat mula pandai membuat peralatan seperti tembikar menggunakan tanah liat yang boleh dibentuk dan berfungsi sama seperti buah labu. Oleh itu, tembikar dinamakan sebagai Labu Sayong (Azmi Arifin, Muhamad Luthfi Abdul Rahman dan Tarmiji Masron, 2010).

Selain itu, ada juga yang mengatakan bahawa tembikar yang berbentuk labu itu dibawa oleh masyarakat Melayu yang berhijrah dari Sumatera ke Perak pada zaman dahulu. Hal ini juga telah disebut dalam kajian Wray pada tahun 1903. Mereka tetap dianggap sebagai orang Melayu walaupun mereka berasal daripada Sumatera kerana pada masa itu mereka mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Tanah Melayu.

Labu Sayong merupakan produk seni kraf tangan tradisional Melayu yang sangat unik dan sinonim dengan identiti negeri Perak, khususnya daerah Kuala Kangsar. Di sebalik keindahan rupa fizikalnya yang hitam berkilat dan berfungsi sebagai bekas penyimpanan air yang menyejukkan, tersimpan satu proses pembuatan Labu Sayong yang rumit dan memerlukan ketelitian yang tinggi. Seni warisan yang diturunkan sejak turun-temurun ini menggabungkan kemahiran tangan yang halus, pemilihan bahan yang tepat, serta teknik pembakaran yang tradisional bagi menghasilkan kualiti yang terbaik.

Proses penghasilan Labu Sayong dilakukan secara sistematis dan berperingkat, bermula dengan pemilihan bahan mentah yang berkualiti. Tanah liat yang teksturnya lembut lazimnya diperoleh daripada kawasan tebing sungai, bawah pepohon, atau busut tanah. Selepas fasa pengambilan, tanah tersebut perlu dijemur sehingga kering sepenuhnya sebelum melalui fasa pembentukan, penghiasan motif, dan diakhiri dengan proses pembakaran.

Merujuk kepada Muslim Sahih (2011), antara proses yang terlibat dalam pembuatan labu sayong ini ialah penyediaan tanah. Tanah boleh diperoleh daripada mana mana sumber seperti tanah di tebing sungai atau busut. Seterusnya, setelah mengumpulkan tanah, tanah liat akan dijemur untuk dikeringkan dan setelah dijemur, tanah yang telah dikeringkan akan ditumbuk terlebih dahulu menggunakan lesung kaki sebelum diayak serta ditapis. Langkah ini penting bagi menyingkirkan sebarang bendasing seperti sampah dan serpihan batu. Setelah dipastikan bersih, tanah tersebut diuli sehingga padat. Proses pengulian ini menuntut ketelitian yang tinggi bagi memastikan tiada gelembung udara yang terperangkap. Akhir sekali, tanah diuli ke dalam bentuk silinder bagi melancarkan proses pembentukan yang seterusnya.

Proses yang kedua adalah, membentuk. Dalam fasa ini, ianya merupakan peringkat yang paling kritikal dalam penghasilan Labu Sayong kerana teknik yang digunakan bakal menentukan nilai estetika dan ketahanan fizikal labu tersebut. Proses ini bermula dengan mengambil tanah liat yang telah dibentuk silinder, lalu dilingkarkan menjadi satu bulatan di atas pinggan. Apabila tanah telah separuh kering, jari ibu dan jari telunjuk memainkan peranan utama dalam menekan dan mencorakkan permukaan labu dengan teliti bagi menghasilkan bentuk yang sempurna.

Seterusnya, proses yang ketiga adalah proses menghias. Setelah bentuk labu sempurna, permukaannya akan dilicinkan menggunakan sudip buluh sebelum digilap dengan batu luru untuk memberikan kesan yang halus. Labu tersebut kemudiannya dibiarkan seketika sehingga kering sebelum proses mengukir motif dimulakan. Corak atau motif hiasan dihasilkan dengan cara menekan kayu tera pada permukaan labu yang masih lembap. Setelah selesai dihias, labu tersebut akan dijemur sekali lagi sehingga benar-benar kering sebelum beralih ke peringkat pembakaran.

Proses yang terakhir adalah, proses pembakaran. Peringkat pembakaran terbahagi kepada tiga fasa utama, iaitu menyalai, membakar, dan menyepuh. Pertama

sekali, labu yang telah kering sepenuhnya akan disalai menggunakan bahang api yang dihasilkan daripada pembakaran sabut kelapa serta kayu kering. Selesai disalai, labu akan diletakkan secara terbalik di atas para-para dan ditutup menggunakan daun pisang, daun kelapa, atau tikar. Seterusnya, kayu api disusun di bawah para lalu dinyalakan; bahang daripada unggun api inilah yang akan membakar dan menguatkan struktur labu tersebut.

Selepas selesai dibakar, labu yang masih panas akan segera dimasukkan ke dalam sekam padi. Proses ini sangat penting bagi menghasilkan kesan warna hitam yang berkilat pada keseluruhan permukaan labu. Seterusnya, bahagian tapak atau dasar labu akan disapu dengan damar bagi menutup liang-liang tanah liat, sekali gus menghalang air daripada meresap keluar apabila digunakan nanti. Akhir sekali, labu tersebut dibiarkan sejuk seketika dan dibersihkan sepenuhnya sebelum sedia untuk digunakan. Maka lengkaplah satu kitaran proses dalam penghasilan Labu Sayong.

Menurut Nurul Shanilza, Saidatul Khodijah dan Mazlina (2021), antara teknik-teknik yang digunakan dalam proses pembuatan Labu Sayong secara manual seperti teknik picit, teknik lingkaran dan teknik kepingan. Labu Sayong yang menggunakan teknik picit adalah seratus peratus dihasilkan oleh tangan dan ia memerlukan kemahiran. Cara membuat Labu Sayong menggunakan teknik ini ialah dengan membuat bahagian tapak, badan, dan akhir sekali mulut atau kepala labu. Pertama sekali, tanah liat yang sudah ditumbuk sehingga halus perlu digulingkan menjadi gumpalan. Kemudian, picit bahagian tengah gumpalan untuk membuat bahagian dalam labu. Sementara itu, bahagian luar pula perlu dipicit untuk menaikannya supaya menjadi bentuk labu. Semasa proses di sini, tanah liat perlu ditambah untuk menghasilkan ketebalan. Tanah liat pula perlu ditambah sedikit demi sedikit untuk bahagian atas labu.

Selain itu, proses pembentukan Labu Sayong bagi teknik lingkaran pula ialah bagi membentuk bahagian utama pada Labu Sayong yang kemudian akan dicantum bentuk tersebut apabila keadaan sesuatu bentuk itu berada dalam keadaan basah atau kering. Selepas ditarik dan dicantum, maka terhasil kepingan daripada cantuman dan ia dinamakan sebagai teknik kepingan. Keadaan Labu Sayong setelah dicantum akan menjadi nipis dengan keadaan bentuk yang baik semasa dicantum menjadi bentuk Labu Sayong. Ia dinamakan sebagai bentuk kepingan kerana bentuk Labu Sayong ini mempunyai banyak lekuk pada bahagian badannya.

Perusahaan tembikar tradisional seperti Labu Sayong berdepan dengan pelbagai cabaran untuk terus berkembang dan kekal berdaya saing dalam pasaran semasa. Antara faktor utama yang menjadi halangan ialah kekurangan latihan, promosi serta perhatian yang diberikan kepada pengusaha tradisional berbanding pengusaha yang telah beralih kepada penggunaan teknik pengeluaran moden. Keadaan ini menyebabkan pengusaha tradisional sukar untuk meningkatkan kemahiran, memperluaskan pasaran, serta memperkenalkan produk mereka kepada khalayak yang lebih luas.

Selain itu, pembuatan tembikar secara tradisional masih sering dipandang negatif oleh sesetengah pihak, yang menganggapnya sebagai perusahaan yang sukar berubah, kurang produktif dan mencabar untuk dimajukan. Persepsi ini turut menyumbang kepada anggapan bahawa perusahaan ini tidak memberikan pulangan keuntungan yang lumayan, sekali gus mengurangkan minat generasi muda untuk menceburi bidang ini. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kelangsungan warisan pembuatan Labu Sayong pada masa hadapan. (Arifin et al., 2010).

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak yang merupakan Pengurus Kz Kraf Enterprise mengenai pengalaman beliau sebagai pengusaha Labu Sayong. Rakaman ini dijalankan di Kampung Keapala Bendang, Kuala Kangsar, Perak pada lima belas Mei dua ribu dua puluh enam (15.5.2026) jam sepuluh pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Nurul Solehah binti Rosli dan dibantu oleh NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

PRA: Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak

NSR: Nurul Solehah binti Rosli

NFS: NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NSR: Ok, saya perkenalkan diri dahulu lah. Saya Nurul Solehah binti Rosli (dicelah)

PRA: Nurul?

NSR: Nurul Solehah binti Rosli.

PRA: Ok.

NSR: Saya 22 tahun daripada Perak jugak.

PRA: Ohh.

NSR: Saya daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA] Puncak Perdana lah. Kami berdua ni ambik Pengurusan Rekod (dicelah).

PRA: Pengurusan Rekod.

NSR: Semester 5 semester akhir lah sebelum *internship* [latihan industri].

PRA: Oh ok. Semester 5 macam mana Diploma ke *Degree* [Ijazah]?

NSR: *Degree* [Ijazah].

PRA: Eh, *Degree* [Ijazah]? Oh, baik baik baik baik baik.

NFS: Saya pula NurFatin Syakirah berasal dari Kelantan.

PRA: *So* [Jadi], Fatin, Solehah. Baik baik. Ok, sebelum itu apa saya perkenalkan juga lah apa nama Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak tapi boleh panggil Kak Fiza je (dicelah).

NSR: Panggil Kak Fiza ye.

PRA: Sebagai Penolong Pengurus di KZ Kraf.

NSR: Ok kita teruskanlah dengan (dicelah).

PRA: Boleh boleh.

NSR: Ok. Soalan ni berdasarkan objektif kajian kami ia ada 3 lah. *So* [Jadi], kami akan sentuh 3 bahagian iaitu yang pertama kami akan tanya pasal sejarah (dicelah).

PRA: Ok.

NSR: Selepas itu, proses pembuatan Labu Sayong (dicelah)

PRA: Baik.

NSR: Selepas itu, yang terakhir kami akan tanya pasal cabaran lah dalam nak buat Labu Sayong ni kan macam-macam cabaran kan, Puan.

PRA: Betul-betul.

NSR: *So* [Jadi], saya akan mulakan dengan soalan yang pertama lah (dicelah)

PRA: Jom.

NSR: Bahagian sejarah Labu Sayong.

PRA: Baik baik.

BAHAGIAN 2: SEJARAH LABU SAYONG

NSR: Ok jadi soalan yang pertama, boleh tak Kak Fiza ceritakan latar belakang bagaimana Kak Fiza dengan suami mula buat pembuatan Labu Sayong ni?

PRA: Ok, sebelum tuh terima kasih banyak-banyak kepada adik-adik kerana sudi hadir kat KZ Kraf ni, *interview* [temubual] kami, pihak KZ Kraf. Ok, pertamanya bagaimana kami boleh berkecimpung ni adalah aaa macam suami dia adalah merupakan generasi ketiga dalam pembuatan Labu Sayong. Okey, dan saya memang membantulah kami sama-sama. Ok, macam di KZ Kraf ni

kita kalau ikutkan lebih sejarah penubuhan sendiri, dia dah lama cumanya kita daftarkan dia secara *official* [rasmi] nya, *SSM* [Suruhanjaya Syarikat Malaysia] semua pada tahun dua ribu (2000). *So* [Jadi], which is [iaitu] dah 26 tahun dah *official* [rasmi], sebelum tu pon memang dah ada ok, *so* [jadi], bila kata daripada situ pon adik-adik mesti tahu maksudnya dia adalah menerusi warisan daripada datuk, pada ayah, pada nenek macam. Bukan lah atuk maksudnya nenek kerana Labu Sayong ni asalnya adalah wanita yang buat. Sejarahnya namanya Tok Kaluk, dengar macam nama lelaki tapi adalah wanita, ya. Tok Kaluk dia memang dia banyak dia orang cakap orang bijak pandai, dia banyak kelebihan dia banyak kemahiran *so* [jadi], kalau adik-adik jugak tahu selain daripada Labu Sayong di Kampung Kepala Bendang ni, kita ada jugak selain daripada kraf _ _ _ _ kita ada Tekap Badak Emas, kita ada Pandan Barang. *So* [Jadi], semua tu Tok Kaluk pandai. *So* [Jadi], daripada situ Sultan apa hadiahkan tanah kepada Tok Kaluk dalam tu kat situ dia tahu ada pulak boleh buat jugak dulu macam penemuan kan sejarah dia orang berjumpa tembikar semua bagai tu rupanya boleh guna. Itulah daripada tu salah satu sejarah dia. Ok, asalnya dia gunakan labu sayong buah labu tu sebagai bekas minuman *so* [jadi], bila dah pedagang-pedagang datang dia pon bawak tengok tembikar *so* [jadi], dia orang ni pon tengok oh rupanya oh ada tanah boleh dibuat daripada tanah liat *so* [jadi], cuba-cuba maksudnya boleh. Itu yang sampai sekarang sebenarnya tanah liat Labu Sayong itu berasal daripada Kampung Kepala Bendang ni.

NSR: Memang kat sini lah asal usulnya.

PRA: Di kampung ini dan sampai sekarang, sampai sekarang.

NSR: Legasinya diteruskan.

PRA: Ya, tanah liat tu memang ada sampai sekarang dan kami pon guna itu, *so* [jadi], kalau kata pengusaha yang ada tanah liat tu *so* [jadi], dia orang akan jual tanah liat, *so* [jadi], kita membeli daripada dia orang ha macam tu.

NSR: Ada yang membekal lah puan pulak membeli.

PRA: Ya, membekal kami membeli. *Even* [Walaupun] tu walaupun kalau ikutkan memang tanah asal kami sendiri pon ada tanah kawasan tanah kami tu ada tanah liat tapi kita saling bantu-membantu.

NSR: Ekonomi sama-sama.

PRA: Ekonomi sama-sama macam tu, ok.

NSR: Jelaslah tadi.

PRA: Haah (berdehem).

NSR: Ok, jadi soalan yang seterusnya tadi dah puan dah cakap dah lah pasal sejarahnya.

PRA: Hm (bersetuju).

NSR: Selepas itu, seterusnya saya nak tanya di mana Kak Fiza dan juga suami lah mempelajari kemahiran membuat Labu Sayong ni.

PRA: Ok macam suami dah tentu daripada ayah dia lah. Ok, dan ayah dia juga merupakan seorang adiguru tenaga pengajar di kraftangan cawangan Perak bahagian tembikar dan juga (bunyi batuk). Mintak maaf. Apa nama dan dia belajar lah dah tentu lah dia tengok daripada kecik ayah dia buat semua bagi mak dia pon membantu arwah ni membantu semua. Dan macam saya dah berkahwin belajar daripada dia lah.

NSR: Oh belajar daripada suami lah

PRA: Ha ye. Kejap _____ tidak ada tolong pusing jap kipas. *Sorry sorry sorry* [Maaf maaf maaf] (bunyi batuk).

PRA: (Berdehem) Iphone bukan cepat panas ke? [Merujuk kepada orang di luar temubual].

NSR: Hm (setuju). Cepat panas *storage full* [storan penuh] cepat penuh.

PRA: Ha kena beli iCloud lagi.

NSR: Betul.

PRA: (Berdehem). Sebab tu lah Kak Fiza memang kalau maksudnya anak-anak ni *kome ni gemor benor Iphone nye* [Kamu semua ini sangat suka iPhone].

NSR: Hm (setuju). Saya pon memang macam nak beli tapi ya lah mahal *maintenance* [penyelenggaraan] dia pon mahal.

PRA: Tidak apa tidak apa. *Depa* [Mereka] dia yang nampak. Alya eh Alya eh Alya yang nampak [Merujuk kepada orang di luar temubual].

NSR: Alya daripada Sarawak dia.

PRA: Ha tu lah. Sarawak dah tentu ada pasu Sarawak. Dah pernah pergi dah? Tengok tempat dia. Pernah tengok tak pergi tempat pembuatan pasu Sarawak sebab tanah liat dia berbeza. [Merujuk kepada orang di luar temubual].

NSR: Dia macam tak pernah dengar je tu.

PRA: Hm (bersetuju). Pasu Sarawak, kami kat sini sampai ada satu *shape* [bentuk] tu memang kita ambik kalau kita panggil tu apa nama, itu *vase* [pasu] Sarawak. *Shape* [bentuk] dia tu cuma *design* [reka bentuk] tu memang *design* [reka bentuk] ni lah sini lah. [Merujuk kepada orang di luar temubual]. Bukan pokok-pokok bunga. Pasu, pasu *vase* [pasu] untuk hiasan, kalau kata ha kalau Sarawak tu dia memang ada satu *shape* [bentuk] tu memang orang tahu itu memang pasu Sarawak.

NSR: Dia memang eksklusif Sarawak lah yang tu identiti dia.

PRA: Hm (bersetuju).

NSR: Ok.

PRA: _ _ _ _ _ soalnya banyak kejap je.

NSR: Banyak, kejap. Sebab tu kita cuba nak lambatkan sikit (ketawa).

PRA: Oh ya ke?

NSR: Ya, sebab *requirement* [keperluan] nya satu jam puan paling-paling.

PRA: Oh ya ke? Ohhh. Ok.

NSR: Ok tidak apa ya, kita teruskan ya.

PRA: Oh ya, boleh boleh boleh. Ha oh baiklah baiklah (berdehem).

NSR: Tadi puan ada cerita lah kan cerita asal usul Labu Sayong tapi kalau daripada puan sendiri kan, puan pernah tak dengar sendiri lah daripada generasi terdahulu tu macam daripada atuk Kak Fiza ke ada cerita pasal Labu Sayong ni ada tak dari dulu?

PRA: Oh, saya memang tak pernah dengar bukan saya tak pernah dengar, suami dah tentu lah pernah dengar sebab dia memang dia orang tahu kan sejarah sini kampung sini memang kat sini ada apa nama ada orang tua yang maksudnya yang paling berusia lah kat sini apa nama dia orang kata tahu sejarah asal usul dekat Kampung Kepala Bendang ni, macam mana pembuatan Labu Sayong tapi saya mendengar daripada suami, Encik Pareb. Dia kata kalau ikutkan dahulu ok

bila kata sesebuah keluarga nak lakukan pembakaran Labu Sayong sebab pembakaran Labu Sayong ok nanti yang ini kita akan masuk kat dalam nanti macam mana proses kan. Tapi nak cerita bagaimana masyarakat tu ok dulu bila dengar kata contoh keluarga A nak buat nak bakar *so* [jadi], keluarga B, C, D yang setempat-setempat ni dengar dia orang akan datang dia orang akan datang membantu ha membantu mungkin daripada sediakan makanan atau pon tolong bakar macam tu.

NSR: Jadi macam gotong-royong.

PRA: Ya, gotong-royong.

NSR: Untuk buat Labu Sayong ni.

PRA: Ya, ya dahulu kala. *So* [Jadi], maksudnya kalau ikutkan tidak ada lah dahulu sangat mungkin maksud macam waktu ayah dia masih ada pon memang dah ada masih lagi benda tu diamalkan. Ha cuma sampai sekarang ni dah jadi macam *business* [perniagaan] *so* [jadi], masing-masing ha dan kemudahan tu lebih mudah lebih banyak dulu mungkin keluarga ni sahaja yang ada tempat pembakaran ha kan *so* [jadi], kat situ lah berkumpulnya ha ok macam sekarang ni masing-masing dah ada tempat bakar.

NFS: Bakar kat tempat masing-masing.

NSR: Semua dah ada masing-masing dah lah semua dah berkembang kan.

PRA: Ya, dah berkembang betul (berdehem).

NSR: Soalan yang seterusnya (dicelah).

PRA: Menjawab tak?

NSR: Menjawab, menjawab. Dia tak pe puan cakap je memang kami akan tulis je (ketawa).

PRA: Ok baik.

NSR: (Ketawa). Puan jangan risau.

PRA: Risau salah info je.

NSR: Tidak apa (ketawa).

PRA: (Ketawa).

NSR: Sebab dia kan daripada kita sendiri punya _ _ _ _ _.

PRA: Ya, hm (bersetuju).

NSR: Ok ha, soalan yang seterusnya dalam sejarah Labu Sayong, ok puan ha Kak Fiza, Kak Fiza perasan tak sebarang perubahan dalam pembuatan Labu Sayong dari dulu sampai sekarang? Ada tak? Banyak tak perubahan yang nampak?

PRA: Banyak, sangat sangat banyak lah maksudnya kalau kata dulu kita dah tahu Labu Sayong tu sendiri memang untuk letak air minum saja, ok tapi sekarang ni dah *yes* [ya], sila tuan. [Merujuk kepada orang di luar temubual].

PRA: Ha ok apa nama (berdehem) apa nama tadi ok dulu simpan tempat simpan air lah dan minum air kan so [jadi] tapi sekarang ni dia dah melebihi daripada situ ha kita dah boleh apa letak macam ada sebagai _ _ _ _ _ letak labu, labu lampu, ha cenderahati cenderahati kecil ha bekas-bekas pensil ha macam tu *water dispenser* [mesin air minuman] macam dulu Labu Sayong kita kena tuang macam sekarang ni kita dah ada *water dispencer* [mesin air minuman] just [hanya] letak paip so [jadi], mudah boleh guna tak perlu tuang tuang.

NSR: Oh ok ok faham faham.

PRA: Ha pon boleh.

NSR: Maksudnya daripada Labu Sayong tu?

PRA: Ya.

NSR: Ha ok ok. Boleh bayang boleh bayang.

PRA: Ya, ya. Inovasi lah orang kata kan. Dah tentu perubahan tu sangat sangat ni lah cumanya ha bentuk tu kita tak boleh lari sebab Labu Sayong ni memang ha betapa bijak pandainya orang-orang dulu, bentuk tu kita dah tak perlu dah hanya kami ni yang generasi sekarang ni hanya mengikut sahaja mem apa orang kata *copy* [meniru] orang kata cuma mungkin ha kita punya perubahan tu mungkin daripada segi ragam hias bunga, *design* [corak] itu sahaja.

NSR: Ukiran tu sahaja.

PRA: Ukiran tu sahaja.

NSR: Tapi bentuk tu sama.

PRA: Ha bentuk tu ya sama, ya sama. Dan untuk pengetahuan adik-adik jugak Labu Sayong ni dia ada 7 bentuk 7 bentuk, dan salah satunya adalah kalau adik

tengok ni (sambil menunjukkan labu tersebut) Labu Sayong Lepak bentuknya labu lepak dimana dibawahnya sedikit leper.

NSR: Dia leper lah rata kat bawah tu?

PRA: Betul. Dia ada jugak Labu Panai, Labu Panai ni maksudnya kalau orang dulu-dulu buat lebih banyak lah buat Labu Panai ni dia ada alur dekat bahagian bawah tu dia macam *line, line, line, line, line* [garis, garis, garis, garis, garis] nanti ada kat *gallery* [galeri] tu adik boleh tengok. *So* [Jadi], ha macam dulu mungkin ada jugak lelap ni tapi kita panggil Lepak Panai. Ha maksudnya dia bentuknya melepak tapi bawah tu ada panai. Ha dan banyak-banyak (dicelah).

NSR: Panai tu yang yang bercorak tu ke?

PRA: Ya, ha ya. Ada jugak dia kita panggil Lepak Licin, ha dia ada Labu Licin, Labu Belalai Gajah, Labu Bocong, Labu Tela, Labu Gelugor yang biasa orang ni orang tengok ha dan Labu Lepak sendiri lah. *So* [Jadi], macam dalam dalam banyak bentuk labu itu, Labu Lepak ini yang dapat *award* [anugerah] daripada *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization]. Hasil karya arwah ayah mertua saya lah. Dia (dicelah).

NSR: Memang kat sini lah tempat yang _ _ _ _ .

PRA: Hanya, ya. Apa, banyak pengusaha masuk bertanding tapi yang dapatnya Zamari bin Pandak Ahmad, iaitu bapak mertua saya. Peringkat *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization].

NSR: (Ketawa) Hebat! Saya macam UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] tu.

PRA: Ha ya, betul produk *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization]. *So* [Jadi], kalau orang kata ada mana produk *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] kat sini pon ada.

NFS: Selepas itu, dalam pembuatan Labu Sayong ni ada tak guna sebarang teknologi untuk nak buat bentuk Labu Sayong ni?

PRA: Ya. Macam dulu kalau ikutkan kita buat guna teknik picit cubit tradisional. Sekarang ni, kita dah lebih moden kita gunakan bentuk acuan, *mold* [acuan]

ha *mold* [acuan]. *Mold* [acuan] tu dia diperbuat daripada *plaster* [lepa], kalau orang tua-tua dulu kita panggil simen yang orang patah kaki tangan tu ha benda yang sama.

NSR: Oh, acuan tu.

PRA: Ya, acuan tu. Ha, *so* [jadi], bentuk acuan tu macam-macam lah dalamnya *so* [jadi], ikut bentuk. *So* [Jadi], bila kata contoh bentuk tu dalam tu ha bentuk labu dia keluar bentuk labu lah kalau ada bekas pensil silinder tu, itu dia akan keluar silinder, cuma dia keluar tu kosong sahaja dia tidak ada corak. *So* [Jadi], yang maksudnya hanya kosong tapi yang selebihnya tu untuk dijadikan corak tu tetap jugak manual guna tangan tenaga kita lah.

NSR: Kiranya dalam acuan tu kena tuang tanah tu yang macam mana tu?

PRA: Ok, kalau macam dahulu kita dia tanah liat ni kita dalam bentuk doh maksudnya ha proses ok kita masukkan dalam proses ha tanah liat tu kita ambil daripada tepi-tepi sungai, bawa sini kita keringkan, bila dah keringkan kita akan masuk pecahkan tumbuk dia menggunakan lesung kaki. Dah dapat ni kita akan ayak jadikan seperti serbuk tepung dah jadi ayak serbuk tepung tu kita campurkan air untuk jadikan doh dan kita boleh membentuk lah mula membentuk Labu Sayong.

NSR: Dekat dalam *mold* [acuan] tu?

PRA: Ya, ha bukan, bukan dalam *mold* [acuan]. Ini yang tradisional.

NSR: Oh itu yang tradisional.

PRA: Tradisional. Ok, kalau untuk *mold* [acuan] pulak. Perbezaan dia tanah liat yang kita ambil daripada tepi sungai tu kita tak perlu dah keringkan *just* [hanya] terus masuk *machine* [mesin].

NSR: Oh terus masuk *machine* [mesin].

PRA: Ha, kita akan pecahkan, bancuh semua. Selepas itu, nanti kita ha dah siap proses semua kita akan masuk air dan kita perlu masuk *sodium* [natrium]. *Sodium* [Natrium] tu adalah ibu garam tujuan dia adalah untuk mencairkan tanah liat itu kerana bila menggunakan proses *mold* [acuan] kita perlukan dia dalam bentuk *liquid* [cecair]. *So*, [Jadi,] dia mesti. Kalau tak letak *sodium*

[natrium] tu ibu garam lah, dia akan jadi macam dodol tu. *So* [Jadi], macam mana nak tuang?

NSR: Liat lah jadi susah nak bentuk.

PRA: Ya, *so* [jadi], dah siap semua bagai tu kita akan masuk lagi satu proses tapis untuk buat apa nama buang apa pasir-pasir semua tu. Macam tadi yang tradisional kita ayak kan untuk buangkan dah kering dah tumbuk tu kita ayak *so* [jadi], ini proses tapis ada *machine* [mesin] dia lah penapis tu *so* [jadi], nanti ha dah jadikan *slip* [Proses tuangan buburan tanah liat] tu kita akan tuang dekat dalam bentuk Labu Sayong tu atau pon bentuk apa sahaja *so* [jadi], nanti dia akan ha kata melekat _ _ _ _ _ melekat di tepi-tepi dinding *mold* [acuan] itu mengikut bentuk yang ada *so* [jadi], dah sampai satu-satu masa contohnya dalam satu jam dia akan melekat tepi dan tebal yang kita nak tu cukup contohnya ada tebal dia *so* [jadi], lebihan tu dia akan tuang balik. Sebab tu lah dia jadi berlubang kalau tak tuang dia jadi *solid* [pepejal] lah ha macam tu. Ha ok.

BAHAGIAN 3: PROSES PEMBUATAN DAN TEKNIK LABU SAYONG

NFS: Jadi, kita teruskanlah dengan proses pembuatan tadi puan dah sentuh. Selepas itu, kita alih kepada langkah-langkah tu ambil masa berapa lama untuk nak siapkan Labu Sayong tu?

PRA: Ok kalau untuk Labu Sayong tradisional ni ha nak siapkan sebiji dia tu mungkin makan masa dalam 3 hari ha itu yang tradisional.

NSR: Tradisional tu 3 hari.

PRA: Ya betul. Kalau kata menggunakan kaedah moden, banyak mana *mold* [acuan] banyak tu lah kita bole siap contohnya tapi, contoh, *mold* [acuan] ada 100 biji kita memang boleh keluarkan 100 biji tapi untuk siapkan siap sampai siap corak semua bagai tu saya dengan suami kalau mula buat pagi sampai petang pon paling maksimum kami boleh pergi hanya lah dalam 30 biji ke 35 biji macam tu sahaja.

NSR: Itu yang dah siap sekali ukiran semua.

PRA: Ya dah siap sekali ukiran. *So* [Jadi], maksudnya memang akan makan masa lah sebab kenapa dia contoh dah keluar daripada acuan kita tak boleh terus

buat *design* [reka bentuk] semua bagai kita perlu keraskan sedikit tunggu sekejap. *So* [Jadi], selepas itu, kita licinkan dulu, buang dulu lebih-lebihan tanah, dah licin semua ni apa nama dia kita guna batu sungailah dia punya teknik untuk melicinkan kita panggil teknik dia meluru memang sama macam orang dulu-dulu kita guna bentuk batu kita guna batu Sungai untuk mampatkan tanah tu. Ok, selepas itu dah nak bagi licin kilat tu kita guna bahan plastik. Contohnya, macam apa nama botol-botol plastik tu untuk licinkan dia bagi kilat. Ha, nak kilatkan lagi dah kering sikit dah siap semua *design* [reka bentuk] semua tu dah siap plastik semua *and then* [selepas itu], kita apa nama guna pula plastik yang lembut untuk bagi kilat.

NSR: Plastik pon ada beza-beza dia.

PRA: Ada, ha dia ada nipis tebal kan? *So* [Jadi], kita ambil yang nipis tu. Ha paling nipis tu untuk kilatkan dia *so* [jadi], lagi kilat lagi lah waktu pembakaran contohnya pembakaran jadi warna hitam dia lagi berkilat. Itu waktu itu yang menentukan kualitinya Labu Sayong tu ha bocor ke tak bocor waktu pembuatan tu lah.

NFS: Seperti yang kita tahu tadi, puan bagitahu macam Labu Sayong ni kena banyak hari nak siapkan jadi puan perlukan berapa ramai pekerja untuk nak siapkan Labu Sayong.

PRA: Ok, kalau tradisional ni *sorang-sorang* [seorang-seorang]. Dia *sorang* [seorang] buat *sorang* [seorang] sebiji tu lah.

NSR: Oh, dia *sorang* (seorang) tu kena buat sorang [seorang] daripada mula proses sampai akhir dia *sorang* (seorang)?

PRA: Ya, untuk yang tradisional lah contoh macam Encik Pareb biasanya Encik Pareb lah yang buat Labu Sayong ni. Ok, *so* [jadi], memang dia *sorang* [seorang] lah tapi itu cerita dulu. Ok, macam sekarang ini Encik Pareb dalam apa nak dia bentukkan sebiji Labu Sayong tradisional ni dia boleh dapat dalam

2 hari lah kot maksudnya mungkin sehari membentuk esoknya tu mungkin untuk apa orang kata buat *design* [reka bentuk] macam tu. Boleh sahaja boleh sebenarnya ikut sebenarnya ikut kita ikut kita sebenarnya tapi mungkin dulu yang *dia orang* [mereka] sebut 3 hari semua tu bagai sebab sebenarnya dulu aktiviti membuat Labu Sayong atau pon melagang Labu Sayong ni dia macam aktiviti sampingan sebab dulu sini dia ada bendang, maksudnya pagi-pagi *dia orang* [mereka] buat bendang *so* [jadi], petang-petang santai-santai sambil minum-minum kopi dekat depan rumah tu *dia orang* [mereka] akan melagang Labu Sayong itu yang mungkin kata makan hari.

NSR: Sebab *dia orang* [mereka] betul-betul fokus.

PRA: Ya, sebab *dia orang* [mereka] itu aktiviti santai. Ha macam itu.

NFS: Ok seperti yang kita tahu bahan utama Labu Sayong ni daripada tanah liat lah kan. Jadi, lokasi yang puan nak dapatkan tanah liat tu dari mana?

PRA: Ok sebenarnya kawasan saya ni kawasan sini pon ada sebenarnya ada memang ada memang ada ha kita korek dia mesti kita seeloknya 3 kaki ke bawah *so* [jadi], bahagian bawah tu kita angkat ok kita tengok biasa Encik Pareb dia akan ni makna dia akan buat satu lingkaran tu dia akan *test* [uji] _ _ _ _ ha tu tengok pecah ke tidak macam mana dia lembut (dicelah).

NSR: *Test on the spot?* [Uji terus di tempat?].

PRA: Ya, *on the spot* [di tempat]. Ha *so* [jadi] ada sebenarnya ada tapi kebanyakannya di tepi-tepi sungai lah, di tepi sungai macam adik tadi naik titi ni kami ke kanan dia ke kiri memang ada satu tempat tu kawasan tu memang untuk ambil tanah liat. Ha macam dulu apa nama orang tua-tua dulu dia orang [mereka] guna cangkul tapi sekarang bila dah sampai dekat anak tu dia guna *backhoe* [jengkaut] dah. *Business* [Perniagaan] kan ha?

NSR: Itu lah susah jugak nak cangkul sikit-sikit sebab _ _ _ _ banyak *order* [tempahan] kan.

PRA: Ya, macam dengan saya dulu pernah merasa ambil pergi pergi ambil cangkul.

NSR: Cangkul sendiri?

PRA: Haah, cangkul sendiri ambil masuk dalam guni bawa balik ha saya dengan suami. Anak-anak saya pon pernah merasa saya ajarlah. Ha ajak sekali.

NFS: Berapa lama masa nak ambil tu?

PRA: Oh lama (ketawa) kalau kita pergi pagi tu (dicelah) oh sebab dia macam oh *sorry* [maaf] tidak apa dia macam ni dia macam orang kata tanah liat ni dia padat.

NSR: Padat susah keras.

PRA: Ya, rasanya kalau pagi (ketawa) pagi mula sampai pukul contoh lah pergi pukul 7 lah kan biasa kami pergi pagi-pagi lah tidak ada lah panas sangat kan. 7 macam tu mungkin dalam pukul 10 kot dapat lah mungkin dalam 3 guni ha macam tu lah.

NSR: Seguni berat tu berapa tu agak-agak nya berapa kilo [kilogram]?

PRA: Ha dia berat mungkin dalam 20 *kilo* [kilogram] macam tu 1 guni.

NSR: 1 guni tu?

PRA: 1 guni tu.

NSR: Berat tu puan (ketawa).

PRA:Ha ya. Balik belum proses lagi kan?

NSR: Ha.

PRA: Ha, macam tu lah dia.

NFS: Ok baik. Boleh tak puan ceritakan dengan lebih *detail* [terperinci] lagi tentang teknik yang digunakan untuk membentuk Labu Sayong ni.

PRA: Ok boleh. Kalau ha dia sebenarnya dia asas dia kalua kata pelajar-pelajar seni ke adik-adik dulu asalnya pernah belajar je. Dia menggunakan teknik kepingan dan lingkaran. Ha dia lingkaran ok dia tapi bila teknik lingkaran ni tapi dia punya teknik picit ni kita panggil teknik picit cubit. Picit cubit picit kita picit kita cubit ha ya sebenar-benarnya.

NSR: Picit cubit.

PRA: Ada sebenarnya ada gambar dekat tepi-tepi rajah-rajah tepi adik boleh ambil je gambar. Ada je cara pembakaran cara lama pon ada dekat sini _ _ _ _
_ itu lah dia punya teknik dia ni apa picit cubit.

NSR: Sampai sekarang guna yang sama?

PRA: Ya, sama sama kalau untuk ni macam ha sebenarnya hari setiap hari Sabtu kami ada kelas kokurikulum Labu Sayong pelajar *USAS* [Universiti Sultan Azlan Shah] tapi sebab kadang-kadang buat Labu Sayong ni kita tak boleh biar masa lama *so* [jadi], kadang-kadang dia orang [mereka] dah buat hari Sabtu tu dia orang [mereka] terus je datang esok, lusa tu sebab tak nak kering. Kalau kering dia tak boleh buat apa dah *so* [jadi] kita kena apa *maintain* [mengekal] kan keadaan tanah liat tu sendiri jangan apa kering.

NSR: Kalau kering dia akan pecah terus.

PRA: Ya, akan pecah.

NSR: Oh selagi belum bakar dia akan pecah lah.

PRA: Ya, ya.

NSR: Kering sangat.

PRA: Ya, ya. Kejam *sorry sorry* [maaf maaf] kaki kebas.

NSR: (Ketawa) tidak apa puan.

PRA: (Ketawa).

NFS: Tidak apa puan.

PRA: Aduh aduh aduh aduh. *Stop* [Berhenti] jap (sekejap) *stop* [berhenti] jap [sekejap] dik *stop* [berhenti] sekejap dik.

NSR: (Ketawa).

PRA: Kebas lah pulak ha *udoh udoh tak rasa kaki dah* [Sudah sudah tidak rasa kaki lagi]

NSR: Tidak apa puan.

PRA: Biasalah orang tua.

NSR: Dah semut-semut dah kaki tu.

PRA: Semut tidak ada lagi baru kebas dah tak rasa kaki ni ha. Eh pusing lah sebenarnya tadi tak nak selit dekat saya je boleh pusing pusing bagi pusing [Merujuk kepada orang di luar temubual].

PRA: Ok sekejap tau sekejap tau.

NSR: Tidak apa tidak apa. Tidak apa puan rehat jap (sekejap). (Ketawa) puan rehat sekejap

PRA: *Course* [Kursus] yang korang (kamu semua) ambil ni dah berapa lama dah ada dekat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]? Tak pernah dengar pon.

NFS: (Ketawa).

NSR: *Course* [Kursus] Pengurusan Rekod ni lama dah. Kami pon macam masa dekat Diploma tu kami ambil Pengurusan Maklumat. Selepas itu, bila *Degree* [Ijazah] dia ada 4 lah pecahan. Pengurusan Sistem, Pengurusan *Library* [Perpustakaan] lah selepas itu, dengan Rekod 3 ni yang utama yang dah lama. Selepas itu, yang baru-baru ni dia tambah Pengurusan Kandungan maksudnya *Content Management* [Pengurusan Kandungan].

PRA: Oh. Dia pecah-pecah kan lagi.

NSR: Ha dalam *Degree* [Ijazah] tu ada empat lah. Selepas itu, kalau nak sambung *Master* [Ijazah Sarjana] ha lain pula ceritanya. Itu dulu saya pon

tak pernah dengar juga Pengurusan Rekod ni. Bila orang tanya buat apa saya pon macam nak cakap pon tak tahu (ketawa).

PRA: Maksudnya nanti *korang* [kamu semua] keluar jadi apa ni? Lebih kepada apa *librarian* [pustakawan] ke apa?

NSR: Bukan.

NFS: *Records Manager* [Pengurus Rekod].

PRA: Oh *Records Manager* [Pengurus Rekod].

NFS: Haah.

NSR: Sebenarnya kalau ambil rekod dekat mana-mana boleh jadi *Admin* [Pentadbir], nak jadi kerja dekat bahagian *KASTAM* [Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)] bahagian dalam dalam *handle* [mengurus] rekod-rekod *KASTAM* [Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)] tu semua boleh.

NFS: Asalkan berkait dengan *record* [rekod] dekat pejabat tu.

NSR: Kan dekat mana-mana organisasi kan mesti ada rekod, so [jadi] itu lah kerja kami (ketawa).

PRA: Oh ya. Itu lah Pengurusan Rekod.

NSR: Dia beza sikit lah dengan *librarian* [pustakawan] *library* [perpustakaan] kan memang tu je lah.

PRA: Oh ya. Kenapa tak ambil *library* [perpustakaan]?

NSR: Sebab kalau *library* [perpustakaan] ikut minat juga lah (ketawa) sebab kalau saya sendiri tak berapa nak minat lah sebab kalau *library* [perpustakaan] Pengurusan Perpustakaan ni dia ada cakap betul-betul kena dengan buku, *manual* [panduan] dia tebal. Kita nak *catalog* [katalog] kan semua lah kena ikut buku. Itu yang saya tak ambil tu.

PRA: Oh faham faham.

NSR: Ok puan. Puan dah tak sakit kaki?

PRA: Kebas kebas biasa lah orang tua.

NFS: Ok menurut puan dalam banyak-banyak teknik tadi tu teknik apa yang paling susah untuk nak kita belajar buat.

PRA: Membentuk lah membentuk lah membentuk nak menaikkan daripada tapak ok dia mula-mula kita punya pembuatan Labu Sayong ni, membentuk labu tu dia bukan bermula daripada tapak dia bermula daripada bawah, maksudnya kita buat tu *so* [jadi] ok mungkin kita buat separuh *so* [jadi] dah sampai separuh tu yang hujung tu adalah tapak. *So* [Jadi] kita pulak buat dalam pinggan *so* [jadi] _ _ _ _ kita pusing-pusing pinggan tu pusing-pusing *so* [jadi] nanti bila dah kering sikit kita akan potong dah letak tapak kan dia bagi kering sikit supaya dia keras supaya nanti bila kita potong baru kita terbalikkan tapak tu baru lah kita mula naikan dia bahagian sini (sambil menunjukkan Labu Sayong) sini ke atas. Itu nak membentuk tu lah kadang-kadang jadi kadang tidak untuk saya tapi untuk Encik Pareb dia memang dia dah ni dah lah.

NSR: Senang lah dah professional.

PRA: Ya, tak macam kalau yang dia buat bentuk tu pon tak nampak macam buat pembuatan tangan macam keluar daripada mesin.

NSR: Oh sangat *perfect* [sempurna] lah orang kata sempurna bentuk nya.

PRA: Ya, sebenar dia memang belajar daripada hampir daripada *hundred percent* [seratus peratus] daripada arwah ayah dia, arwah ayah dia tenaga pengajar kan dekat kraftangan *so* [jadi] memang arwah ayah dia memang *dia orang* [mereka] memang kalau boleh memang nak bagi *perfect* [sempurna].

NSR: Teliti lah orang kata.

PRA: Teliti. Teliti orang tahu lah kata walaupun itu buatan tangan tapi nampak cantik macam tu.

NFS: Seterusnya, kalua dari segi saiz Labu Sayong tu sendiri dia mempengaruhi ke tidak tempoh pembuatan Labu Sayong tu?

PRA: Ha ya, dah tentu. Contohnya, macam mana kalau kecil tu sekecil-kecilnya hingga lah paling besar kita pernah buat mungkin dalam tadi masuk tak dalam galeri kan paling besar tu kan.

NSR: Haah paling besar.

PRA: Ya. Itu saya difaham itu ada satu-satu nya Labu Sayong hasil peninggalan arwah ayah mertua saya saya difahamkan nak jadikan sebiji macam tu mungkin dalam sebulan ke dua bulan lebih.

NSR: Lamanya makan masa.

PRA: Ha ya makan masa mungkin sebab dia mengajar kan dia bekerja ke apa kan.

NSR: Dia buat *sorang sorang* [seorang seorang] ke?

PRA: Ha ya dia buat *sorang* [seorang] dia buat *sorang* [seorang].

NSR: Saya *amazed* [kagum] (ketawa).

PRA: Ha ya memang dia buat *sorang* [seorang]. Labu tu maksudnya dah wujud belum saya kahwin lagi maksudnya mungkin tahun tujuh puluh-an (70-an).

NSR: Lama sangat dah.

PRA: Ha lama, lama. Kan labu tu pon muzium nak ambil sebab arwah dia banyak apa muzium dia bagi apa alat-alat dia kan sebagai jadikan artifak dekat muzium negeri Perak. *So* [Jadi] ikutkan labu tu pon orang nak tapi tahan lah pasal itu sahaja peninggalan arwah yang kami ada selain daripada gambar-gambar itu sahaja.

NSR: Maksudnya dah 50 tahun lebih dah lah lama sangat dah lah.

PRA: Ha kalau ikutkan memang memang lama.

NSR: Kukuh lagi nampak nampak baru.

PRA: Memang kukuh ya sebab benda tu kami jaga betul-betul kami letak dekat rumah *so* [jadi], bila ada galeri ni baru kami buat turun *pelan-pelan* [perlahan-lahan]. Nak buat turun pon beristighfar je supaya jangan jadi apa-apa sebab berat kan.

NSR: Berat dia anggaran berapa tu puan?

PRA: Banyak tu lebih 1 *kilo* [kilogram] tu berat, berat memang berat.

NSR: Dia memang tak disimpan apa-apa untuk *display* [pameran] sahaja lah.

PRA: Memang *display* [pameran] sahaja lah memang *display* [pameran] sahaja.

NFS: Seterusnya, apa faktor yang melambatkan proses Labu Sayong tu sendiri?

PRA: Ha secara *technically* [secara teknikal] kalau kadang ni kita boleh juga orang kata daripada cuaca. Kalau kata musim hujan memang kami ni musim-musim ni macam agak menangis lah sebab dia bila tanah ni dia dalam keadaan dia sejuk dia lambat kering sebab dia kita nak bagi keras sikit *so* [jadi], dia lambat kering kadang sebenarnya waktu cuaca lah yang boleh melambatkan proses tu dan juga mungkin salah satu yang itu salah satu orang kata *mainpower* pon ya juga masa kadang kita untuk macam seramik ni sekarang ni kan sebenarnya boleh dikatakan semua pengusaha dia punya kita kekurangan *mainpower* maksudnya macam contoh kami, kami lah pembuat, kami lah apa nama penjual (bunyi mesin penyelenggaraan) kami lah yang mempromosikan semua nya kita ha kan *so* [jadi], benda tu kadang-kadang benda tu pon kadang-kadang melambatkan juga tambah pula macam kami ni untuk sekarang punya keadaan kita pula ada buat kelas kan *so* [jadi], kadang *order* [tempahan] tu kadang terlambat juga lah jugak sikit pasal nya kita ada kelas selepas itu, macam semalam ha semalam ke lawatan ke kelmarin ada lawatan macam tu.

NSR: Jadi *delay* [tertangguh] lah.

PRA: *Delay delay* [tertangguh tertangguh] lah nak buat benda tu. Itu yang untuk yang sekarang lah kalau dulu tu cuaca sekarang pon cuaca pon main juga main peranan ha macam tu.

NSR: Kiranya kalau tanah tu ambil waktu hujan, berapa lama (dicelah).

PRA: Lambat lah keringnya.

NSR: Berapa lama agak-agak nak kering tu.

PRA: Lama lah.

NSR: Berbanding dengan hari biasa?

PRA: Kalau macam biasa 3 hari tu dah kering kan mahu seminggu lebih.

NSR: Oh lama sungguh.

PRA: Lama, lama kalau itu dulu lah tapi sekarang ni tidak ada masalah sebab dia terus masuk *machine* [mesin] kan ha tidak ada masalah lah.

NFS: Ok, kalau dalam semasa buat Labu Sayong tu pernah tak berlaku kegagalan tak kalau ada macam mana puan atasi?

PRA: Kegagalan dia?

NFS: Haah semasa nak proses Labu Sayong tu.

NSR: Buat buat tapak tak jadi ke.

PRA: Buat balik kena buat balik lah. Potong lah.

NSR: Maksudnya kalau bila dah buat tu tak jadi tu berapa berapa kerap kena buat?

PRA: Ok, kalau contoh sekarang kalau untuk Labu Sayong tradisional ni jarang dia mungkin kita akan bentuk cuba bentukkan dia juga bagi elok kalau dia tradisional kan ok tapi kalau kata yang moden ni kalau kita tiba kita itu lah di kata dia ada juga lah faktor contoh macam kita tuang ni kan ni kadang ada tanah tu beku *so* [jadi], nanti bila kita tengah potong-potong tu tiba dia dah berlekuk *situ* [di situ].

NSR: Oh tanah tu sahaja sebiji dekat *situ* [di situ].

PRA: Ha tanah setompok setompok ha *so* [jadi], itu *reject* [menolak] buang. Buat lah yang baru.

NSR: Tukar tanah baru ?

PRA: Bukan tukar tanah baru itu buang terus semua ambil yang baru.

NSR: Oh ambil yang baru, faham.

PRA: Ha dia dah tak boleh *repair* [membaiki] dah dekat *situ* [di situ] kecuali kalau macam benda tu ad akita boleh korek ke apa itu *just* [hanya] kita *touch up touch up* [kemasan kemasan] macam tu boleh lah macam tu.

NFS: Seterusnya, adakah terdapat teknik tradisional yang masih kekalkan sehingga hari ini?

PRA: Ada.

NSR: Banyak lah kan (ketawa kecil).

PRA: Banyak *still* [masih] cop ni *still* [masih] juga manual orang dulu-dulu pon guna yang sama juga lah juga, cop cop cop cop bukannya dia keluar terus ada *design* [reka bentuk], tidak. Ok selepas itu, pembakaran hitam *still* [masih] juga macam dulu maksudnya bukannya sekarang ni kita ada *oven* [ketuhar] yang bila masuk tu bila keluar terus jadi hitam bakar kan ha dia tidak ada *so* [jadi], tetap juga kena bila sampai suhu masak dia contoh 900 darjah Celcius. Kita buka sedikit pint utu panas-panas bara tu kena angkat guna besi angkat *one by one* [satu demi satu] Labu Sayong tu untuk kambuskan dekat dalam habuk kayu atau pon sekam padi *still* [masih] benda yang sama cara orang dulu. Panas-panas tu angkat masuk dalam kalau dah sejuk dia takkan jadi hitam dia mesti dalam keadaan panas.

NSR: Kalau maksudnya kalau tak jadi hitam dia warna dia sama dengan asal je kan.

PRA: Ha jadi warna asal lah.

NSR: Sama je.

PRA: Sama je. Cuma macam kami disini kelebihan kami macam Encik Pareb lebih suka dia buat macam warna macam ni ha macam ni (sambil menunjukkan Labu Sayong) ini yang dapat *award* [anugerah] ni kan macam warna warna kita panggil yang ini warna salai. Dia ada teknik salai kita ada warna *balau* [coklat kekuningan hingga coklat keemasan] ha ini balau macam yang ini *balau* [coklat kekuningan hingga coklat keemasan] (sambil menunjukkan Labu Sayong) macam ini *balau* [coklat kekuningan hingga coklat keemasan] warna dia ini balau.

NSR: Oh ingat kan dia terus semua dia sikit-sikit.

PRA: Bukan, ya. Ini balau ini nak dapatkan warna macam ni kita dia Encik Pareb bakar guna daun-daun letak tempurung kelapa semua.

NSR: Oh teknik lain-lain.

PRA: Ya lain. Kalau macam salai kita letak atas para kita salaikan letak macam ni (sambil menunjukkan demonstrasi) ok *so* [jadi], nanti salai letak lah apa-apa untuk asap dia naik asap dia naik macam tu *so* [jadi], dia salai *so* [jadi], nanti sebenarnya buat orang dulu kalau ikut kan banyak warna labu dia macam ni juga lah selain daripada warna hitam (sambil menunjukkan Labu Sayong) ha macam tu.

NSR: Jadi kalau yang puan cakap tadi yang apa tu ada acuan, acuan tu memang daripada lama ke?

PRA: Ya, lama dah lama.

NSR: Lama. Sama je guna.

PRA: Ya, *stamping* [mengecap] ni ha ni lah sayang ni ha *stamping* [mengecap] tu yang memang kita guna yang lama punya. Kalau ada beberapa *stamping* [mengecap] tu yang kami apa nama orang kata ubah suai sikit lah nak bagi kan tapi ini adalah ada cerita ya setiap *design* [reka bentuk] ni (dicelah).

NSR: Ada maksud-maksud dia.

PRA: Ada maksud dia. Kalau tengok daripada macam ni kan lah kalau tengok daripada atas tu cantik je nampak *design* [reka bentuk] dia cuba tengok daripada depan macam mana bentuk dia bunga tu kita ada nampak bunga (sambil menunjukkan Labu Sayong).

NSR: Nampak macam kelopak.

PRA: Ya, ha kelopak tu dia ada cerita dia bukan saja-saja letak motif tu apa ke kan.

NSR: Kiranya untuk labu yang ini maksudnya membawa maksud kepada?

PRA: Yang ini yang saya tahu dia mesti ada daun lah daun, bunga mewakili *so* [jadi], ada cerita (sambil menunjukkan Labu Sayong).

NSR: Oh daun-daun.

PRA: Haah ya daun-daun. Ini daun sirih, ini wau bulan. Wau bulan sabit kan, bulan sabit (sambil menunjukkan Labu Sayong).

NSR: Dia tak buat saja-saja ada maksudnya.

PRA: Ha ada ada maksud dia. Ini bunga cengkih ni bunga cengkih bunga cengkih (sambil menunjukkan Labu Sayong). Ada satu sama juga lah macam kita buat kain ke apa pon kalau ikutkan satu helai kain tu kita tak boleh lebih daripada tiga *design* [reka bentuk] nanti dia tak lawa.

NSR: Tak boleh lebih motif dia.

PRA: Penuh sangat tak lawa cacar marba (tidak tersusun) kan *so, at least* [jadi, sekurang-kurangnya] tiga ha macam tu.

NSR: Dia memang perlu letak satu-satu?

PRA: Ya. Cop *one by one* [satu demi satu].

NSR: Yang kecil-kecil lah yang ni.

PRA: Ya, ya, ya.

NSR: Rumit juga.

PRA: Rumit memang rumit. Kalau kata ada 1000 biji seribu biji lah langkah dia ni.

NSR: Kalau kata kan macam bila Kak Fiza tengah *stamping* [mengecap] kan tiba-tiba macam *terdouble* [berganda].

PRA: *Terdouble* [berganda] lah. Dia ada pemadam dia.

NSR: Ohh.

NSF: Ohh.

PRA: Iaitu batu sungai.

NSR: Ha oh pakai ha ok ok.

PRA: Ha batu sungai tu memang untuk padam dia lah.

NSR: Jadi pemadam lah.

PRA: Jadi pemadam dia lah *so* [jadi], kita cop balik tapi kan biasanya memang kita tahu lah bila kita dah buat ni kita tahu kadang-kadang kita takut juga berlubang dulu mula-mula Kak Fiza belajar tu pernah cop tiba-tiba berlubang. Ha dah lah dah berlubang terus. Nangis lah.

NSR: Selepas itu, tak boleh pakai dah lah yang itu?

PRA: Tak boleh pakai dah lah nangis dah lah kena marah dah lah benda tu sebab benda tu nak siap kan kena siap kan dulu benda ni licinkan semua baru *last* [akhir] sekali dia punya *stamping* [mengecap] yang dia masukkan semua corak ni kan *so* [jadi], memang nangis lah kena marah lah sebab salah kan (ketawa kecil).

NSR: Sebab nya yang *stamping* [mengecap] tu dah *step* [langkah] akhir dah pon dah nak siap dah.

PRA: Ya, sebelum nak siap ya dah hampir siap dah.

NFS: Berapa lama nak siap kan *stamping* [mengecap] tu?

PRA: *Stamping* [mengecap] tu? Nak siapkan *stamping* [mengecap] ke atau pon nak cop maksudnya dekat sini yang ini?

NFS: Haah.

PRA: Yang ini dah siap ni kan? Ok, kalau ikutkan proses dia sebiji ni kalau ikutkan yang kita ambil purata lah sebiji ni setengah jam.

NSR: Sekali dengan bakar apa semua.

PRA: Eh bukan. Ini sahaja *stamping* [mengecap] sahaja.

NSR: Oh ok.

PRA: Bunga ha. Ha dia start daripada kosong sebiji tu *so* [jadi], kita masukkan corak semua bagai tu. Itu mungkin yang untuk laju macam Encik Pareb lah.

NSR: Yang dah professional lah.

PRA: Ya, profesional yang mungkin 30 minit macam tu anggaran ha untuk macam mungkin Kak Fiza mungkin lebih sikit daripada itu macam itu. Biasanya Labu Lepad ni memang Encik Pareb sendiri lah yang buat. Kita pernah cuba bagi *staff* [kakitangan] buat tapi tak tak menepati kehendak kualiti sebab kita sangat jaga.

NSR: Jaga kualiti lah. Ada _ _ _ _ _.

PRA: Ada ada ada ada ada ada. Sebab kita tak nak bocor paling penting tak nak bocor bahagian tapak. Ha macam ni kan ha tak nak tak nak bocor macam ni. Yang ini sebab mungkin tanah ke apa. Ha macam tu ha kita tak nak tak nak bocor itu yang paling penting.

NFS: Okey baik boleh tak puan ceritakan lebih detail lagi bahan yang digunakan semasa proses pembakaran.

NSR: Bakar tu dia guna apa (dicelah).

PRA: Dia *oven* lah [ketuhar], *oven* [ketuhar] satu, selepas itu, bahan dia tu kita guna gas, gas bukan elektrik, elektrik tu cuma tu kita nak tahu ni. *So* [Jadi], selain daripada tu, apa gas itu jelah.

NSR: Gas, oven [ketuhar]. Dalamnya tu *just* [hanya] letak jela (dicelah).

PRA: Haa (setuju) dalam tu letak sahajalah, cuma nak jadikan hitam, kita guna habuk kayu ataupun sekam padi. Ha (mengiyakan) itu sahaja.

NSR: *So* [jadi], tidak ada guna arang-arang.

PRA: Eh (menidakkan) tidak ada tidak ada kecuali kalau macam nak buat balau ke, itu bahannya lain pula, kalau macam balau, okey dah siap bakar, contohnya dah siap bakar sebiji warna asli, tanah tu, *so* [jadi], yang ini akan melalui satu lagi proses, mungkin apa kita panaskan, bakarkan dulu, apa nama tempurung, sabut kelapa, daun-daun tu kita letak, *so* [jadi], kita letak pula labu sayong ni, selepas itu, kita tindih tindih kan dia, *so* [jadi], biarkan dia macam seragam bakar, *so* [jadi], kita akan monitor [perhatikan] lah, tengok sekejap, tengok sekejap, okey kat yang mana tak kena apakan, *so* [jadi], memang takkan dapat warna yang sama pun, siap sebiji memang tak dapat warna sama. Haa yang itu kalau balau, kalau salai pula, kita akan parakan, *so* [jadi], kita letak labu sayong tu, macam saya kata, terbalik tadi, *so* [jadi], akan salai, letaklah bahan-bahan dia kat bawah tu, bakar, asap dia tu akan naik.

NSR: Daun apa apa pun boleh ke kalau nak bakar.

PRA: Selalunya daun pisang, haa bukan daun yang gatal gatakan, nanti naik asapkan, benda ni kan buat minum.

NSR: Hmm (bersetuju) betul juga.

PRA: Ha tengoklaa daun pisang, macam tu jelah, selalunya daun pisanglah, daun pisang.

NSR: Kebisaanyalah.

PRA: Ha kebiasaan.

NFS: Pendapat puan, semasa proses pembakaran tu ada tak macam sebarang bahaya ke apa ke?

NSR: Ada benda jadi tak puan?

PRA: Oh pernah jadi, dia tak pernahlah jadi sebab mungkin, sebab dia manual, dia manual kan, *so* [jadi] kita boleh *control* [kawal], mungkin kalau atau macam risiko dia kalau nak bawa keluar *time* [waktu] bawa keluar, nak dikeluarkan daripada, kan panas panas tu, haa nak dikeluarkan tu, haa itu mungkin risiko dia

tertarik tu mungkin tertarik sekali yang lain, *so* [jadi], yang lain pun, maksudnya macam pecah, macam terjatuh, itu jelah.

NSR: Sebab dia kan kena ambil satu-satu (mencelah).

PRA: Ha ya, satu-satu, mungkin kita tertarik labu tu, labu tu terjatuh, itu pecah ha tak boleh buat apalah, itu jelah nak kata bahaya, sebab kita dah tahu manual apa cara *control* [kawal] tu, bukan, api tak terlalu kuat, kita dah tahu dah mana api tu semua haa, cuma nak minta simpanglah, tak ada apalah setakat ni.

NSR: Jadi sepanjang buat labu sayong ni tidak ada benda yang membahayakanlah, sebab alat alatnya tidak ada tajam-tajamkan.

PRA: Ya, ya, ya ya, tidak ada tidak ada tidak ada sebab macam kalau pisau pun, pisau untuk pemotong tu, eh tak adalah, kecil kecil tu ha tak adalah, tak pernahlah setakat ni, Insya-Allah lah, janganlah hahaha (ketawa).

NSR: (Ketawa) mintak jauhlah.

NFS: Okey, berapa lama proses pembakaran tu dilakukan.

PRA: 8 jam.

NSR: Oh 8 jam.

PRA: 8 jam sebab dia tu kan, sikit sikit naikkan *so* [jadi], yang paling kritikal adalah pada suhu 300 darjah celsius, bila dah nak sampai suhu 300 darjah celsius, waktu itulah kita dengar kalau dalam labu tu dia ada apa nama, masih basah atau pun ada ruang-ruang rongga udara, dia akan pecah, haa waktu tu kritikal suhu 300 macam tu lah, haa waktu tu kami akan dengar, ada tak pecah.

NSR: Ada bunyi meletup?

PRA: Ada pumm (bunyi meletup), kita dengarlah.

NFS: Selepas itu, keluarkan lah.

PRA: Eh tidak ada tidak ada, kita biarkan jelah, cuma harap dia jangan tembak lah, pecahan yang tanah tu, kena labu-labu lain. *So* [Jadi], *effect* [memberi kesan] jugalah.

NSR: *So* [jadi], pernah jadilah kiranya.

PRA: Ada, itu tadi nampak tak, ada yang sumbing tu, sebab dia pecah lah tu.

NFS: Oh yang kemek-kemek tu.

BAHAGIAN 4: CABARAN DALAM MENGEKALKAN WARISAN LABU SAYONG

NFS: Baik, Puan, kita teruskan soalan dengan cabaran dalam mengekalkan warisan labu sayong pula. Apakah cabaran utama yang Puan hadapi dalam menghasilkan labu sayong pada masa kini?

NSR: Kenapa puan

PRA: Sekejap ya, ada nak *order* [tempah]. Apa soalan tadi?

NFS: Apakah cabaran utama yang puan hadapi dalam menghasilkan labu sayong pada masa kini?

NSR: Masa kinilah sekarang ni (dicelah).

PRA: Cabaran dialah, ada contoh nak 600, dia perlukan masa, dia setiap ni ada proses dia, *so* [jadi], contohnya nak, enam Jun (6 Jun) tu dah siap, okey sekarang dah berapa hari bulan lima belas Mei (15 Mei), haa contoh nak seribu biji. Logik diakal tak.

NSR: Tak, kurang sebulan dia bagi tempoh

PRA: Ha begitu, benda tu proseskan, selepas itu kadang, cabaran kami dari segi itulah, macam kalau setakat 50, 100, 200 tu boleh lagi lah kan, *so* 600 tu wallahualam lah, ha macam tu.

NSR: *So* [jadi], kalau jadi macam ni, puan akan *reject* [tolak] atau akan bagitahu *detail* [butiran].

PRA: Kita akan bagitahu, mungkin kita akan, mungkin kita hantar sikit-sikit macam tu sebab pihak dia perlu fahamlah, sebab benda ni, apa sebab saya dah bagitahu benda ni akan makan masa yang lama, sebab saya tak boleh buat terus ke apa sebab kita ada projek yang lain juga macam tu.

NSR: Ada *order* [tempahan] yang lebih utama.

PRA: Ha, kita juga ada kekurangan *manpower* [tenaga kerja].

NSR: Itu yang utamanya.

PRA: Itu yang paling penting, kekurangan dia sebenarnya pada *staff* [kakitangan] lah, kekurangan pekerja, macam kami lebih, sekarang pula kami lebih kepada batik, permintaan batik, haa macam ni jabatan hutan, jabatan hutan

punya kain, yang semalam mencelup untuk *RISDA* [Rubber Industry Smallholders Development Authority], *next coming* [akan datang] ni, sekolah cina, *dia orang* [mereka] nak minta buat baju orkestra pelajar pelajar dia 90 orang, sebelum tu kain sekolah, cikgu-cikgu sekolah *order* [tempahan] lebih kurang 55 pasang, Alhamdulillah, *so* [jadi], mungkin selepas ni kami, sebab macam kami pun ada kelas, buat kelaskan, *so* [jadi], mungkin selepas ini pembuatan labu sayong itu kami dah sangat dah kurang, kami lebih kepada nak mengajar pula dah, sebab memang, sebab tu kalau adik perasan, kita punya bangunan ni nama dia Art and Craft Center, ha sebab sebelum kami buat batik ni sendiri, batik ni baru tak sampai lagi 2 tahun.

NSR: Oh baru lagi tapi permintaan tinggi.

PRA: Masih baru, Alhamdulillah, sebab kami adalah satu satunya usahawan menggunakan tanah liat buat labu sayong tu sendiri untuk buat corak-corak pada kain, guna labu sayong, tanah liat buat labu sayong tu, kalau orang lain memang ada, pengusaha lain buat tanah liat, batik tanah liat, tapi dia menggunakan tanah liat industri, yang beli pada kilang kilang.

NSR: Bezalah dia punya kualiti tu,

PRA: Beza, beza, beza, kualiti tu, mungkin adalah, tapi kami buat yang tanah liat buat labu sayong ni, nilah, cantiklah putihkan, ha kemaslah, ha macam tu, *so* [jadi], lebih kepada batiklah sekarang.

NFS: Kalau cabaran dari segi persaingan dengan produk moden yang lain macam mana tu?

NSR: Ha, persaingan sekarang (mencelah).

PRA: Moden contohnya apa? Seramik putih? Apa?.

NSR: Apa apa persaingan, sebab puan kan buat labu sayong kan, apa persaingan kalau kat luar tu dengan kraft tangan lain juga.

PRA: Rasanya tak berapa sangat sebab kita memang dah ada, apa kita kata, *main product* [produk utama] kita, labu lepat, sebab labu sayong lepat kami ni sekurangnya *at least* [sekurang-kurangnya] kena hantar 200 biji dekat satu tahfiz tu, ha memang, dia, kita ada buat bentuk labu sayong lain, tapi dia tetap nak lepat ni juga, *so* [jadi], maksudnya persaingan tu tak, tambahan pula,

macam lepap ni kami dah, apa nama dah *trademark* [tanda dagangan] kan dia, lepap tu kepunyaan KZ Kraft itu sendiri.

NSR: Memang satu satunya kat sini sahaja?

PRA: Ya, ya, ya. Tapi tidak dinafikan ada pengusaha lain dah buat semua, tapi nak buat macam mana orang kampungkan, *so* [jadi], macam tulah dia, tapi tidak apa yang paling penting kami tahu kami dah *trademark* [tanda dagangan] kan dia, *so* [jadi] kalau ada apa-apa, kita boleh isukan lah.

NSR: *So* [jadi], maksudnya kalau orang fikir labu sayong ni takde (tiada) sapa tahu, persaingan dengan luarlah, rupa rupanya banyak sahaja *order* [tempahan],

PRA: Ya, banyak, banyak banyak,

NSR: Cuma tak di uar-uarkan sangat.

PRA: Macam kami pula, lebih kepada *custom* [tempahan khas], macam Encik Pareb mungkin kelebihan dia, dia tangan dia kan, hasil tangan dia tu kan banyak dah orang kata apa nama permintaan sampai ke apa nama, biasanya kementerian-kementerian kan, banyak ambil labu lepap ni, macam yang terbaru ni, PMX sendiri apa dia punya, apa nama pengawai-pegawai dia datang sendiri *order* [tempah] dengan kami, bawak produk ini sebagai salah satu produk untuk dibagi kepada legasi-legasi luar. Maksudnya kita panggil dia *order* [tempah] Malaysia, bukan *order* [tempah] negara, *order* [tempah] Malaysia, ha di bawah nama *order* [tempah] Malaysia, Alhamdulillah lah.

NSR: Saya macam kagum.

PRA: Sebab untuk pembuatan secara tradisional ini, hanya untuk orang muda, Encik Pareb sahaja, sebab tu Encik Pareb ni banyak dibawa ke luar negara, untuk buat jadi *pendemo* [pembuat demonstrasi] labu sayong, macam dia sendiri pun, dihantar belajar ke Jepun oleh kerajaan negeri untuk buat belajar disana, untuk porselin.

NSR: Oh, kat sana pun ada juga?

PRA: Sudah tentulah, Jepun memang seramik lah. Dan tentulah lebih hebat daripada kita, memang lebih hebat daripada kita, *so* [jadi], kita ni orang kecil pergi belajar ke sana bawa balik ilmu tu.

NFS: Pada masa yang kita tahu, pandemik covid dulu, bagi kesan tak pada Puan dalam buat labu sayong ini?

PRA: Dia kesan dia mungkin daripada apa nama, kita susah nak pergi hantar kan, tapi alhamdulillah, kita *still* [masih] juga berjalan, *order* [tempahan] nya masih ada yang tahfiz tu, *so* [jadi], kita mintaklah surat kebenaran dekat poliskan, pihak polis pergi hantar memang biasalah tu.

NSR: Dapat keluarlah.

PRA: Dapat, dapat keluar,

NSR: *So* [jadi], tidak ada masalah lah.

PRA: Alhamdulillah *tadak* [tidak ada] masalah, sebab polis setiap masa ronda kampung kampung ni, tapi sebabkan kita ni memang orang yang sama yang bekerja disini, *so* [jadi] kita tutuplah pintu pagar, *so* [jadi], maksudnya memang orang tak datang lah kita sahaja yang buat kerja kat dalam tu, *so* [jadi], kita jagalah jarak.

NSR: Tertutuplah.

PRA: Ya tertutup, mungkin Alhamdulillah lah syukur, mungkin rezeki kami masih ada, masih *sustain* [terus bertahan].

NSR: Tak putus-putus.

PRA: Alhamdulillah, Cuma kami orang sekeliling saya nampaklah kan, macam dulu kalau ikutkan pengusaha labu sayong ni, kalau nak ikutkan separuh daripada ni lah, dah tak buat. Sayang, sebab semua tu dah macam orang lama, sekarang saya tengok *dorang* [mereka] ambil upah, apa nama ambil tanah, *dorang* [mereka] ambil upah apa nama potong rumput, sedih sangat.

NSR: Sebab *dorang* [mereka] dah tahu dah cara nak buat, *dorang* (mereka) tak teruskan.

PRA: Tak boleh, tak boleh, tak boleh, tak boleh, tak boleh, itu yang kesian tu.

NFS: Seterusnya pendapat puan generasi muda sekarang ni, minat tak untuk mempelajari pembuatan labu sayong itu sendiri.

PRA: Ha, macam apa saya tengok berminat, pasalnya macam kami kan ada kokurikulum labu sayong dekat *USAS* [Universiti Sultan Azlan Shah], Alhamdulillah, daripada tahun dua ribu sembilan belas (2019) lagi Encik Pareb dilantik sebagai jurulatih kurikulum untuk *USAS* [Universiti Sultan Azlan Shah] bahagian kraf tangan labu sayong, memang orang kata apa nama, aaa macam setiap semester tu ada sahaja penambahan pelajar, aa kalau tidak,

semester ni ada 51 orang pelajar, setiap hari sabtu 51 orang datang, belajar buat labu sayong selama 14 minggu. Kalau kata tak dapat permintaan anak-anak muda, lama dah subjek koko (kokurikulum) ni tidak ada. Sebab kalau ni memang automatik dah buang.

NFS: Pendapat puan kalau generasi muda yang tak berminat sekarang ni kenapa?

PRA: Mungkin *dorang* [mereka] nampak tanah tu kotorlah, itu normal, memang kalau kata em taknaklah kotorlah, *even* [walaupun] *dorang* [mereka] sini adik adik ni kan, *dorang* [mereka] ni ada yang *intern* [latihan industri] daripada kolej komuniti, kami terima pelajar *intern* [latihan industri], sebab kami ada sediakan rumah, penginapan, makan kita sediakan, dalam rumah tu pun lengkap, dapur semua nak masak ke, semua lengkap, rumah kami bagi, tak perlu bayar pun, jaga elok-elok sahaja, kami memang dah lama dari tahun ayah mentua saya lagi memang dah ada budak *intern* [latihan industri], datang sini, memang kami sediakan penginapan, *so* [jadi], sekarang ni berbalik kepada anak mudakan kenapa *dorang* [mereka] tak minat, macam *dorang* [mereka] ni yang ambil seni visual daripada kolej komuniti antara dua seramik dengan batik *diorang* [mereka] ambil batik, seramik ni susah, susah dan juga kotor,

NSR: Sebab itulah puncanya kotor, tanah.

PRA: Ya, sebab geli, mungkin itulah kot.

NSR: Tapi saya rasa, saya setuju juga, kotorlah, masuk kukulah, apalah.

PRA: Ya, tapi itulah Alhamdulillah anak saya yang sulung, dia sendiri yang memilih untuk sambung ambil seramik, Alhamdulillah.

NFS: Baiklah kalau dari segi penggunaan mesin untuk menghasilkan labu sayong itu sendiri, pendapat puan dia membantu ke tak dari segi seni itu sendiri.

PRA: Oh, membantu, dia mesin ni dia cuma membentuk sahaja, yang seni tu pada corak tu, corak tu manual, tangan kan, macam untuk kami penggunaan

mesin mungkin untuk dia membentuk, melicinkan untuk mempercepat proses dia, sangat-sangat membantulah pada saya,

NSR: Boleh keluarkan lebih banyak.

PRA: Ya, orang kata *mass production* [pengeluaran besar-besaran] lah, haa macam tu, cuma seni tu pada tangan kita, sebab tetap benda tu manual.

NSR: So [jadi], memang takkan ada guna teknologi?

PRA: Kalau ikutkan, teknologi tu macam untuk kaedah moden acuan, itu jelah, mungkin dapat dapur tu, dapur moden lah sikit, kalau dulu tu susun bata sahaja, *so* [jadi], macam mana orang tua dulu-dulu boleh tahu bila masak ke tidak.

NSR: Ha itulah.

PRA: Ha hebatkan, hanya dengan ketuk bunyi sahaja, *depa* [mereka] akan angkat ketuk sikit, oh ni masak dah haaa, hebatnya orang dulu.

NSR: Orang dulu cerdik-cerdik.

PRA: Ha macam mana bentuk labu ni kan, ha *dorang* [mereka] laa,

NSR: Dah ada pengasasnya

PRA: Kita teruskan sahaja, jaga warisan, Insya-Allah, ni warisan negarakan.

NFS: Baik dari segi kos bahan pula, macam mana puan uruskan kos, untuk buat labu?

PRA: Kos dia tanah, *sodium* [natrium], terus terang macam *sodium* [natrium], tu aa sebab kita takde (tiada) benda tu kan, *so* [jadi] memang harga memang makin lama makin naik, merasa sangat perubahan harga tu, macam dulu, memula pada tahun kahwin tahun dua ribu (2000) kan, mungkin waktu tu harga bahan ni, bahan A ni, mungkin baru 20 lebih, sekarang dah naik 30, mahalkan.

NSR: Kiranya beli tu dalam kilogram ke?

PRA: Dalam botol-botol, Tanah tak rasa sangat, sebab kita pun ada tanah kita sendiri, cumanya apa nama *sodium* [natrium], air, tidak lah teruk sangat, sebab tu kita tak boleh nak, labu sayong ni kita tak boleh nak mahal, tak boleh rendah sebab apa, aaa nak kata mahal sangat, kalau *value* [nilai] tu hasil seni kita tu, macam tu.

NSR: Kalau tanah yang puan beli kan, kan buat ada cakap kan beli dekat pembekal kan, berapa harganya.

PRA: Dia murah sahaja, satu guni tu 8 ringgit, ha tapi dalam pada tu, kita dapat *raw material* [bahan mentah], *so* [jadi], balik ni kita proses, *so* [jadi], mungkin dalam satu tu mungkin seguni tu dapatla dalam 5 biji haa, banyakla juga.

NSR: Kiranya berapa guni kalau nak guna untuk dapatkan dalam seratus, berapa guni.

PRA: Lebihlah, dalam 30 guni, haa 30 guni macam tu, sebenarnya orang jual tanah lagi kaya, sebab pengusaha ada, *so* [jadi], setiap orang akan order dekat dia, Dia *supply* [bekalkan] tanah sahaja.

NFS: Baik, apa pula usaha yang puan lakukan untuk nak kekalkan warisan labu sayong ni?

PRA: Usaha dia, dengan kami adakan kelas, itu paling penting, Alhamdulillah sangat-sangat mendapat eh, apa bukan sahaja sekolah kita sahaja, sekolah jenis kebangsaan, jenis Cina, Tamil India kan, macam yang ini saya memang banyak eh, *especially* [terutama] daripada Selangorlah, *tourism- tourism* [pelancongan] *travel agent* [ejen pelancongan] semua Chinese, *diorang* [mereka] jadi ejen untuk bawa pelajar-pelajar sekolah ni, datang ke sini.

NSR: Datang kesini?

PRA: Ya datang ke sini, macam semalam pun *call* [menelefon], macam kami selalu juga terima macam akan datang ni *Tourism Malaysia* [Pelancongan Malaysia] bawak media daripada Sarawak datang sini, *KPDNKK* [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan], lebih kurang 60 orang, pada dua belas Jun (12 Jun) ni juga, enam Jun (6 Jun) daripada sekolah kebangsaan Cina, ha datang sini untuk belajar semua.

NSR: Kiranya dalam sebulan tu memang sentiasa akan ada sahaja.

PRA: Haa memang ada, cuma kadang kadang, aa kami yang apa cuma tertembungnya takut *dorang* [mereka] punya tarikh sekolah tu, datang tu, ada sekolah lain dah *booking* [tempah] dulu, *so* [jadi], mungkin kami *adjust timing* [ubah masa] lah, mungkin yang ini datang pagi, yang lain tu datang petang, sebab kami ada pakej makan tengahari sekali, maksudnya sekolah dah tak perlu, sebab kami faham, kenapa kami adakan buat macam tu, supaya pihak sekolah,

datangkan, kan sekolah ramai, belum tentu lagi datang tempat makan, kedai makan tu dapat tampungkan, satu biji bas, bila dah ada makan kat sini, nanti tak perlu dah.

NSR: Tak payah nak fikir dah.

PRA: Tak payah fikir.

NSR: Kat sini semua da pakej dia dah (mencelah).

PRA: Dah dah, Insya-Allah, tengah nak buat tu kafe lah, Insya-Allah.

NSR: Tengah ni lah (sedang melakukan).

PRA: Ha tu, tengah gring gring (bunyi mesin), kafelah tu, *simple-simple* [ringkas], sebab tujuannya bukan nak cari, nak beria beria pun, supaya kami lebih kepada *customer* [pelanggan] datang sini, sebabkan kami banyak terima *walk in customer* [pelanggan datang terus], yang datang *walk in* [datang terus] tu kadang *tourist* [pelancong] haa kan, apa nama *foreigner* [pelancong asing], haa kan *dorang* [mereka] datang bawa kereta, sewa kereta datang, haa muncul kat sini kan, *so* [jadi], adalah tempat *dorang* [mereka] boleh rehat, boleh makan semua, boleh *order* [tempah], *best* [seronok] kan benda tu, layan orang katakan, Insya-Allah.

NSR: Masa saya datang pun ada orang buat kerja macam tu

PRA: Ha itulah dia, Insya-Allah lah, promosi tu dah tentulah juga, promosikan, promosi sangat sangatlah membantu, *especially* [terutama] *tourism* [pelancongan] lah, banyak bantu kami promosi ke ni lah macam yang nak bawa tu *tourism* [pelancongan] juga, banyak membantu.

NSR: Kalau promosi tu puan, puan dengan suami puan yang buat sendiri yang buat promosi.

PRA: Dia ada apa, *dorang* [mereka] bawa suami saya merata kan, *so* [jadi] secara tak langsung orang tahulah, pergi kesana-kesini kan, ha macam tu.

NFS: Kalau melalui *social media* [media sosial] pula?

PRA: Ada, tak sempat.

NSR: Tak sempat sebab takde (tidak ada) tenaganya.

PRA: Ha ya.

NSR: Dia kena ada orang yang jaga.

PRA: Haa ya betul, sebenarnya kena ada, itulah dia.

NSR: Ambil saya haha (ketawa).

PRA: Rajin ke (ketawa) kalau sempat boleh jenuh, kadang *staff* [kaikitangan] kami tak sempat, korang tolong buat sekejap video, kadang Kak Fiza tak sempat pun nak buat, mintak maaf la tak sempat lagi nak *upload* [muat naik] *korang* [kalian] punya video ni. Tak sempat kadang kadang.

NSR: Kat sini berapa orang *staff* [kakitangan].

PRA: Staf, kalau kata batik kami ada 6, kalau ikutkan senang ceritalah, KZ Kraf ni ada 6 lah orangnya, itulah labu, itulah batik, haa begitu. Diorang (mereka) *multi task* [melakukan pelbagai tugas].

NSR: Serba boleh orang kata, Soalan seterusnya, boleh eh puan, dari segi ekonomi bagaimanakah perusahaan labu sayong dapat memberi sumbangan kepada masyarakat setempat

PRA: Macam tadi saya cakaplah, salah satunya daripada pembekal tanah tu, sudah tentu dah membantu dah, sebenarnya dulu kita ramai tau anak anak muda kat sini, biasa budak lepasan SPM lah, nak cari duitlah *diorang* [mereka] memang akan tuju sinilah, aaa buat *part time* [kerja sambilan].

NSR: Dorang (mereka) datang bekerja kat sini?

PRA: Ha bekerja disini lah, memang ada, tapi bila dah habis *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tu dah dapat *result* [keputusan], *diorang* [mereka] pergilah belajar, tu yang sunyi tu, tapi sekurang-kurangnya benda tu membantulah, membantu budak-budak pelajar, memang ramai, sampai sekarang pun, kalau tanya puan, Encik Pareb ada tak kerja kosong, Encik Pareb ada sahaja.

NSR: Ambil upahlah.

PRA: Haa,, boleh sahaja, sebab kita bayar *dorang* [mereka] ikut produk yang *dorang* [mereka] buat, *so* [jadi], kena buat elok elok lah, janganlah *reject* [tolak], kalau *reject* [tolak] lah,

NSR: Ada harga untuk setiap labu, kalau hasilkan ni harga dia lain

PRA: Ada, contoh yang sebiji yang macam ni 3 ringgit, kalau 10 biji dah 30 kan,

NSR: Dia tak kira jamlah, dia kira apa yang dihasilkan,

PRA: Ya, betul satu unit haa

NSR: Okey soalan yang seterusnya, bagaimana industri labu sayong dapat menembusi pasaran luar negara dan adakah pihak KZ Kraf ni menjalinkan kerja sama dengan ejen atau negara lain untuk tujuan pemasaran, untuk promosikan lagilah KZ Kraf ni, ada tak?

PRA: Kami, macam yang, saya cakap tadi kita melalui *tourism* [pelancongan] kraf tangan Malaysia, okey *so* [jadi], kelebihan tu kalau kita dipanggil bawa kat luar, *so* [jadi], kami pernah menerima apatah nama *order* [tempahan] daripada luar negara contohnya porselinlah, kita pernah eh, kita pernah, tapi kita tahu keupayaan kita untuk menghasilkan tu, bila sebut luar negara, sudah tentulah ia bukan sedikit, *at least* [sekurang-kurangnya] satu kontena, kita nak penuhkan kontena tu macam mana, *man power* [tenaga kerja] satu, apa nama proses tu kan, makan masa kita pula *link* [bersambung], dengan agensi contoh kraf tangan kan, *so* [jadi], kita memang mengeluarkan produk, boleh hantar apa semua, tapi nak jaga kualiti sampai sana tu selamat, banyak benda yang kita perlu fikir.

NSR: Sebab proses dia panjang.

PRA: Pernah, memang pernah, kita pernah juga kadang kat Timur Tengah suka eh labu sayong tembikar ni, *dorang* [mereka] sebenarnya timur tengah ada apa nama *customer* [pelanggan] ustaz tu dia memang duduk di Mesir, dia kata ada satu juga labu sayong tapi bukan labu sayong dia macam bentuk labu dia macam isi air, bukan bentuk labu lah, macam tempat isi air tapi dalam tu ada macam *partition* [pembahagian].

NSR: Macam mana tu.

PRA: Maksudnya, tuang lah macam mana pun, macam ini, dia mulut dia besar, walaupun mulut dia besar, tuang tonggeng macam mana pun, dia keluar halus je, dia ada *partition* [pembahagian] dalam tu, haa, *so* [jadi], balik sini dia promosikan labu sayong kami ni, meratalah kami *post* [hantar], *especially* [terutama] waktu tu Covid kami *post* [hantar], *post* [hantar] je, sebab tu saya kata, waktu Covid tu ha *post* [hantar], cupak nabi, ustaz ni ada cupak nabi, dia beli yang apa nama daripada museum madinah, saya tak pasti dia beli atau dia

dapat rasanya, *so* [jadi], dalam bentuk tembaga, sebab di tepi cupak nabi tu, nabi Muhammad SAW, ada tulisan berapa fidyah semua bagai, waktu tu kami keluarkan, ikut acuan, kami siap ikut beras kat dalam *miniature* [miniatur] dia tu, *so* [jadi], kami simpan beras tu Encik Pared buat, *so* [jadi], kita letak beras tu, adakah mencukupi, ustaz tu kata lebih takpe (tak mengapa) jangan kurang, ha kan *so* [jadi], memang sangat laku keras, tapi disebabkan kami buat khas untuk ustaz tu kami tak juallah untuk orang lain, jadi siapa sahaja beli cupak tu, depa akan dapat sanat daripada rasulullah SAW tu.

NSR: Memang *exclusively* [dibuat khas] untuk ustaz tu.

PRA: Ya, ustaz tu sahaja, dan untuk ustaz tu juga, kami ada *custom* [ubah usai] kan, apa nama *sticker* [pelekat] *embose sticker* [pelekat corak timbul] eh, satu surah, berbentuk kami buatkan titisan air tu, dia akan lekat kat sini, surah apa ayat 30, dia punya ayat dia bermaksud daripada air terjadilah sesuatu, haa, khas untuk ustaz tu.

NSR: Sepanjang ni saya macam wow (kagum) labu sayong ni bukannya tak *famous* [terkenal] orang luar tahu sebenarnya.

PRA: Ya, ya.

NSR: Orang Malaysia kita ni yang tak tahu (mencelah).

PRA: Sebab saya pun tak nafikan kalau tidak ada keperluan nak pergi sesuatu barang tu, tak sampai pun tempat tu betul tak, dan kami pun banyak juga terima, macam untuk perubatan, sebab tanah liat ni kan boleh buat perubatan, *so* [jadi], *dorang* [mereka] datang beli labu sayong, tanah liat tu untuk dijadikan sebagai alat untuk berubat, ha.

NSR: Contohnya macam mana?

PRA: Untuk santau, sihir, ramai datang beli.

NSR: Saya macam tak terfikir sampai ke situ.

PRA: Kita pun tak tahu kalau orang tak datang kan.

NSR: *So* [jadi], nak mintak nak labu sayong untuk apa, oh perubatan dari situ kita dah tahu.

PRA: Ya, perubatan. Macam ustaz yang macam kami hantar tu kan dekat tahfiz tu pun, dia nak labu sayong warna hitam tu sahaja, kerana labu sayong hitam tu

dia letak air, bayangkan sesiapa yang datang tempat dia, infak ke apa, akan dapat labu sayong sebiji sekali dengan air bacaan al-Quran anak anak tahfiz tu.

NSR: Oh itu kegunaannya, untuk simpan air bacaan semua tu, bukan pakai botol, pakai labu sayong.

PRA: Ya, selepas itu, air dia pula, kat belakang tahfiz dia tu, ada air bukit yang sangat *pH* [tahap keasidan atau kealkalian air] dia cantik,

NFS: Bersihlah.

PRA: Ya, ustaz itu pun, bukan kaleng kaleng (bukan biasa biasa), bekas pensyarah, dia berhenti tahfiz tu dia ajar budak budak tahfiz, ya hebatlah suami isteri.

NSR: Kiranya tahfiz ambil *order* [tempahan] dengan puan lama dah.

PRA: Lama dah tahun dua ribu sembilan belas (2019), sebelum Covid lagi

NFS: Pelanggan tetaplah.

NSR: Tak pernah *miss* [terlepas] lah *order* [tempahan] tu.

PRA: Memang tak pernah *miss* [terlepas], kami yang ter *miss* [terlepas] hantar *order* [tempahan] tu, macam tulah dia, sebab dia memang sentiasa sahaja ada, Alhamdulillah.

NFS: Diorang (mereka)dekat mana.

PRA: Dekat Tapah, Awak Perak dekat mana.

NSR: Saya Perak dekat belah Bagan Serai, belah utara.

PRA: Oh, utara, *awat* [kenapa] tak cakap utara dengan saya, saya orang Kedah.

NSR: Mana saya tahu, saya ingatkan puan memang orang sini

PRA: *Awat dengar* [kenapa dengar] macam orang kuala ke, dah tukar bahasa dah, dia sebenarnya bila dengan orang utara tu, dia *auto* [automatik], tak percaya sudah, tanya orang Sarawak, jumpa orang Sarawak tak boleh lah.

NSR: Memang tak fahamlah *depa* [mereka] cakap apa.

NFS: Ni soalan terakhir dalam bahagian cabaranlah, adakah pihak KZ Kraf ni menerima sebarang bantuan atau usaha ataupun insentif daripada pihak kerajaan dalam membantu menyebarkanlah industri kraf labu sayong ini.

PRA: Oh, kami menerima bantuan mungkin daripada, kita ada juga terima daripada *RISDA* [Rubber Industry Smallholders Development Authority] sebab kami adalah usahawan *RISDA* [Rubber Industry Smallholders Development Authority] juga, kita usahawan *MARA* [Majlis Amanah Rakyat], ok *MARA*

[Majlis Amanah Rakyat] membantu kami dari segi *packaging* [pembungkusan], mula-mula kita buat sendiri selepas itu tiba-tiba *MARA* [Majlis Amanah Rakyat] tengok KZ Kraf ni ada inisiatif untuk nak promosikan KZ Kraf ni melalui *packaging* [pembungkusan], *so* [jadi], kami pernah mintaklah, okey dapat juga geran dan juga pembiayaan, maksudnya pembiayaan ni kita, maksudnya dapat duitlah, *so* [jadi] kita boleh besarkan sikit bengkel, *RISDA* [Rubber Industry Smallholders Development Authority] pun ada, maksudnya kraf tangan kita dapat bentuk mesin, maksudnya dapur, dapur tu dah lamalah dua ribu sembilan (2009).

NSR: Oh lama dah.

PRA: Kalau, sebab kita guna sendiri kita pandailah jagakan, *so* [jadi], bangunan ada juga bangunan, bangunan asal bengkel ni, asalnya kraf tangan bagi tahun dua ribu sembilan (2009).

NSR: Oh, bantuanlah banyak jugalah dapat.

PRA: Yang lain tu kita tambah lah, sikit-sikitlah, apa nama dia bukan setahun terus ni, tidak, dapat itu jela, tahun dua ribu sembilan (2009) itu sahajalah *last* [terakhir], lepas tu kita memang *stand still* [berdiri sendiri] sendiri lah

NSR: Betullah, susah juga sebenarnya, kerajaan nak bagi bantuan tu.

PRA: Ya, tapi yang pastinya kita masih aktif sebagai pengusaha, itulah yang paling penting.

NFS: Okey, kalau kat tempat pembakar tu, ada satu tu sahaja ke, ada banyak lagi?

PRA: Okey kami sebab Encik Pareb dulu pernah, macam kami dulu ada dua bengkel, satu atas, satu bawah, *so* [jadi], yang atas tu dapat bantuan dapur yang besar tapi yang dapur besar tu Encik Pareb buat juga kan, bantu buat, kami dulu lebih kepada landskap untuk buat hotel, sebenarnya dulu, kan penuh dengan tempayan tempayan besar, besar daripada yang dalam ni.

NSR: Oh yang tengah tu, ada lagi besar.

PRA: Ya lagi besar, tapi disebabkan tak larat dah, benda tu memang perlukan tenaga kerja *at least* [sekurang-kurangnya] lelaki 3 orang, dulu mudakan, sekarang dah semakin berumur, dah menghampiri 50 tahun dah pun kami ni, *so* [jadi] nak mengangkat tu memang perlukan tenaga, *so* [jadi], memang nak tak nak *stop* [berhenti] lah, memang kena *stop* [berhenti], tak larat nak buat,

permintaan tu ada, tanya ada tak buat tinggi 3 kaki, bukan tak boleh, boleh, tapi tak larat nak angkat tu.

NSR: Proses pun makan masa juga.

PRA: Makan masa, kita boleh buat, Insyallah, Encik Pareb dia punya *passion* [minat yang mendalam] sangatlah, kalau tak tidak ada lah kami *sustain* [terus bertahan] sampai sekarang. Alhamdulillah.

NSR: Dia kalau tak ada usaha, tak ada minat memang takkan sampai ke sinilah,

PRA: sebab pada dia mak dengan ayah dia membesarkan mereka adik beradik dengan membuat labu sayong, *so why not* [jadi mengapa tidak] dia, takkan dia tak boleh, kita perlu *improve* [tambah baik] lah, nampak dia pergi apa nama belajar dekat Jepun, dekat luar negarakan, menjadi wakil *pendemo* [pembuat demonstrasi], sebagai *pendemo* [pembuat demonstrasi] labu sayong, tembikar selepas itu, banyak dapat *award* [anugerah], nanti *korang* [kalian] boleh tengok, nanti saya *share* [kongsi] lah *profile* [maklumat latar belakang] Encik Pareb, sebagai boleh masukkan dalam tu, sebenarnya banyak lagi sijil-sijil yang saya tak sempat nak masukkan pun.

NSR: Tadi kiranya dah habislah kami punya soalan untuk latar belakang proses cabaran, kalau ada soalan *random* [rawak] boleh.

PRA: Kalau boleh jawab, jawab la.

NSR: Kalau sepanjang kami datang ni, proses kami datang ke sini kan, apa pandangan puan lah dekat kami, macam tiba-tiba sahaja ada orang nak datang *interview* [temu bual], apa pendapat, pandanganlah.

PRA: Saya sebenarnya sangat suka ya, Saya sangat suka pelajar, kami terus terang memang banyak, macam tadi *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Seri Iskandar nak datang nak bawak 45 orang nak datang, salah satunya mungkin,

yang banyak saya dengar *feedback* [maklum balas], ramai pelajar pelajar yang datang kat sini, diorang dah *call* [menelefon] dah tempat tempat lain, *dorang* [mereka] tak layan.

NSR: Betul tu.

PRA: Saya kadang, tertanya kenapalah macam tu, sebab kita nak mempromosi ni dengan adik adik ni, *korang lah* [kalianlah], dia tak semestinya promosi tu melalui beli, mungkin daripada buah mulut, nanti *korang* [kalian] bagitahu, sini ada batik, saya sebenarnya sangat-sangat suka, saya sebenarnya sangat suka pelajar datang terus, saya sebenarnya suka pelajar *walk in* [datang terus]. Cuma kami fahamlah ada yang kena sewa kereta, nanti datang sunyi sepi, saya faham keadaan tu, tapi kalau boleh terjah terjah sahaja. Saya suka semangat tu, secara tak langsung adalah juga pahala tu dapat kat arwah mak mentua dengan arwah ayah mentua saya tu, Insya-Allah, mudah-mudahan adalah manfaat untuk adik-adik.

NSR: Nipun untuk tujuan *assignment* [tugasan], jadi kami akan mendokumentasikan apa sahaja yang puan cakap, memang kami tulis semua sekali, memang kalau masa depan tu, ada lagi benda tu.

PRA: Nanti kalau rajin Google lah juga sejarah, ambil sedikit-sedikit kat situ, kadang-kadang saya tengok daripada dalam Google tu ada juga tesis yang *dorang* [mereka] *share* [kongsikan].

NSR: Daripada *lecturer* [pensyarah] kami juga.

PRA: Oh ya ada seorang tu ada doktor siapa nama.

NSR: Doktor Nizam.

PRA: Haa ya, itu *korang* [kalian] punya lah.

NSR: Ya *lecturer* [pensyarah] kami.

PRA: Hebat, dia pernah datang sini.

NSR: Kami daripada tesis dia tu kami tengok balik, kami belajar dari situlah. Jadi tak salah tempatlah kami pilih.

PRA: Betul lah tu, sebab macam arwah ayah mertua saya tu pun, dah ada *UPSI* [Universiti Perguruan Sultan Idris] jadikan tesis tentang sejarah dia tu, Dia adalah lelaki pertama yang buat labu sayong, arwah ayah Encik Pareb, sebelum

ni orang perempuan yang buat, orang ingat orang lelaki, orang lelaki ni dari segi ambil tanah, buat kerja kasar, cari kayu.

NFS: Yang berat-berat.

PRA: Pembuat labu sayong adalah wanita, *so* [jadi], ayah Encik Pareb ni, adalah orang kata orang lelaki yang pertama.

NSR: Orang pertama yang buat lah yang sambung, sebab saya sendiri pun fikir labu sayong ni orang lelaki yang buat, sebab tak ada pendedahan.

PRA: Sebab tulah labu sayong ni bentuk macam pinggang, bentuknya orang Perempuan.

NSR: Oh faham, motif dia.

PRA: Dia ada kepala, leher, ada pinggang, tapak haa. Dia kaki lah, kaki.

NSR: Dia menandakan yang pembuatnya perempuan.

PRA: Ya, macam tu.

NSR: Kalau tak, tak tahu, saya tahulah labu sayong ni dari dulu lagi, tapi tak tahu pembuatnya perempuan, memang saya ingat laki yang buat.

PRA: Ya, yang orang tahu labu sayong untuk simpan jin, simpan air

NSR: Ada yang buat *doorgift* [buah tangan] kenduri, ada juga ke puan *supply* [bekalkan]

PRA: Ada, yang 600 tu untuk *delegate* [delegasi] luar, sekejap ya ada Encik Pareb, saya kena ambil ada saya dah.

NSR: Okey puan kita buat penutuplah.

PRA: Okey boleh boleh, nanti korang amik laa gambar apa apa eh.

NSR: Okey sebagai penutup terima kasihlah sebab terima kunjungan kami, sebab kami pun dah telefon orang lain, semua *reject* [tolak] dan puanlah yang terima.

NFS: Sebab katanya jadual penuh (dicelah).

PRA: Oh jadual penuh.

NSR: Sebab *dorang* [mereka] tak suka di *interview* [temu bual] lama, kalau cakap satu jam tu oh lamanya, tapi kami fahamlah, sejam tu lamakan.

PRA: Baik, tak apa lah.

NFS: Dari pihak kami, kami mengucapkan terima kasih banyak dan mohon maaf kalau ada terkasar bahasa tersilap kata.

PRA: Tak da apa pun lemah lembut sahaja.

NSR: Saya mencelah ke apa.

PRA: Tak ada apa okey sahaja sangat okey.

NSR: Kerjasama puan kami hargailah.

PRA: Sama-sama.

NFS: Kami doakan semoga perusahaan KZ Kraf Labu Sayong ni semoga lebih maju

PRA: Amin, baik terima kasih.

Demikian tadi wawancara mengenai pengalaman Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak yang merupakan Penolong Pengurus Kz Kraf Enterprise sebagai pengusaha Labu Sayong. Saya bagi pihak Dekan Fakulti Sains Maklumat UiTM, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak, dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Saya sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

6.0 RALAT TEMUBUAL

Sepanjang temubual ini dijalankan, terdapat beberapa ralat yang tidak dapat dielakkan. Antaranya ialah:

1. Bunyi mesin atau peralatan beroperasi di kawasan temu bual.
2. Batuk atau bersin daripada penemu bual atau responden.
3. Suara individu lain di sekitar lokasi temu bual.
4. Rakaman audio kurang jelas pada beberapa bahagian.
5. Responden berhenti seketika untuk berfikir sebelum menjawab.
6. Percakapan bertindih antara penemu bual dan responden.
7. Sebutan atau dialek tempatan yang menyukarkan proses transkripsi.

7.0 LOG TEMUBUAL

Nama Tokoh: Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak

Tarikh: 15 Mei 2026

Masa: 10:00 pagi

Penemubual: Nurul Solehah & NurFatin Syakirah

Masa	Deskripsi	Perkara Penting
00:00 – 04:00	Pengenalan temu bual dan objektif kajian.	Pengenalan penemu bual dan Puan Rafizah A'ilyan Abdul Razak serta objektif kajian mengenai sejarah, proses pembuatan dan cabaran Labu Sayong.
04:00 – 10:00	Sejarah penglibatan dalam perusahaan Labu Sayong.	KZ Kraf merupakan perusahaan warisan keluarga; suami tokoh ialah generasi ketiga pembuat Labu Sayong dan syarikat didaftarkan secara rasmi pada tahun 2000.
10:00 – 16:00	Asal usul Labu Sayong.	Sejarah Tok Kaluk, Kampung Kepala Bendang sebagai tempat asal Labu Sayong dan penggunaan tanah liat tempatan sebagai bahan utama.
16:00 – 24:00	Perubahan dan inovasi produk Labu Sayong.	Fungsi Labu Sayong berkembang daripada bekas air kepada produk hiasan, cenderamata dan hiasan moden; Labu Lepad menerima pengiktirafan UNESCO.
24:00 – 34:00	Penggunaan teknologi dalam pembuatan.	Perbandingan teknik tradisional picit cubit dengan penggunaan acuan plaster dan mesin bagi meningkatkan pengeluaran.

34:00 46:00	– Proses pembuatan Labu Sayong.	Proses penyediaan tanah liat, pembentukan, melicinkan permukaan, membuat corak dan tempoh menghasilkan Labu Sayong secara tradisional dan moden.
46:00 58:00	– Teknik tradisional dan pembakaran.	Teknik tradisional masih dikekalkan termasuk pembakaran menggunakan habuk kayu, sekam padi serta teknik salai dan balau untuk menghasilkan warna tertentu.
58:00 01:06:00	– Cabaran menghasilkan Labu Sayong.	Kekurangan tenaga kerja, tempahan dalam kuantiti besar dan faktor cuaca yang mempengaruhi proses pengeringan serta pengeluaran.
01:06:00 01:13:00	– Pemasaran dan pencapaian KZ Kraf.	Labu Lepap mempunyai tanda dagangan KZ Kraf, menerima tempahan rasmi kerajaan dan produk dipromosikan hingga ke peringkat antarabangsa.
01:13:00 Tamat	– Pemeliharaan warisan Labu Sayong.	Usaha melatih generasi muda melalui kokurikulum, latihan industri dan program pendidikan bagi memastikan kesinambungan warisan Labu Sayong.

8.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, temu bual ini telah mencapai semua objektif yang ditetapkan. Melalui temu bual bersama Puan Rafizah A'ilyan binti Abdul Razak, kami dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang sejarah Labu Sayong, proses pembuatannya serta cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dalam meneruskan warisan ini. Hasil temu bual menunjukkan bahawa pembuatan Labu Sayong memerlukan kemahiran, kesabaran dan pengalaman yang tinggi. Walaupun kini terdapat penggunaan teknologi seperti acuan untuk memudahkan proses pembuatan, kebanyakan kerja seperti membentuk, mengukir corak dan menghasilkan kemasan masih dilakukan secara manual bagi mengekalkan keaslian Labu Sayong.

Selain itu, pengusaha juga menghadapi beberapa cabaran seperti kekurangan tenaga kerja, faktor cuaca yang mempengaruhi proses pengeringan dan pembakaran, serta kurangnya minat generasi muda untuk mempelajari seni pembuatan Labu Sayong. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha telah dilakukan seperti mengadakan bengkel, menerima lawatan pelajar dan menghasilkan produk yang lebih kreatif untuk menarik minat masyarakat. Melalui kajian sejarah lisan ini, kami dapat memahami dengan lebih mendalam tentang kepentingan mendokumentasikan warisan budaya agar tidak hilang ditelan zaman. Diharapkan kajian ini dapat menjadi bahan rujukan kepada pelajar dan masyarakat serta meningkatkan kesedaran tentang pentingnya memelihara dan meneruskan warisan Labu Sayong sebagai salah satu identiti budaya Malaysia.

9.0 INDEKS

L

Labu Sayong ..i, 1, 3, 1, 2, 1, 2, 1, 2, 1, 2, 1, 2, 1

P

pembakaran.....2, 1, 2, 1, 2, 1, 2, 1

picit cubit1, 2

S

Sejarahi, 1, 2, 1, 2, 1

T

tanah liat.....1, 2, 1, 2, 1, 2, 1

tradisional1, 2, 1, 2, 1, 2, 1

RUJUKAN

- Arifin, A., Abdul Rahman, M. L., & Masron, T. (2009). *Warisan Tembikar Labu Sayong di Kuala Kangsar, Perak: Sejarah, Perkembangan dan Masa Depan*. Semantic Scholar. <https://www.semanticscholar.org/paper/Warisan-Tembikar-Labu-Sayong-di-Kuala-Kangsar%2C-dan-Arifin-Rahman/c54918aab01b2d1093af6ff62db231ab5cb139b1>
- Aziz Jasbindar, F. (2022, June 2). *Sejarah Labu Sayong Kuala Kangsar*. Orang Perak. https://www.orangperak.com/sejarah-labu-sayong-kuala-kangsar.html#google_vignette
- Harith Fadzillah, K. A. (2023, March 24). *Sejarah dan Kearifan Tempatan dalam Warisan Labu Sayong*. Dewan Budaya. <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2023/03/24/5166/>
- Jamel, N. S., Jamal, S. K., & Pati Khan, M. (2021). *Labu sayong warisan kraftangan Kuala Kangsar, Perak*. UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/92424/>
- Khusairi, N. A., Abd Razak, N. A., & Yunus, M. N. (2021). *Warisan tiada kesinambungan: Labu Sayong picit cubit*. Jurnal Sejarah Lisan Malaysia <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/92129/>
- Mat Ali, N., & Mansor, A. (2024, January 24). Exploring the awareness and interest of the younger generation in Kuala Kangsar towards Labu Sayong Pottery Making tradition. UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/110472/>
- Muslim, S. (2011, November 9). Cara membuat Labu Sayong secara tradisional. Blogspot. <https://kakikuala.blogspot.com/2011/10/cara-membuat-labu-sayong-secara.html>
- Omar, F. (2018, August 7). Asimilasi Tembikar Sayong sebagai Produk Seramik Kontemporari di Malaysia | KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2277>
- Seramik*. (2017). Dewan Bahasa Dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seramik&d=175768&>

LAMPIRAN

Surat permohonan menjalankan temubual

www.uitm.edu.my													
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	Fakulti Sains Maklumat												
Surat Kami Tarikh	: 600-FSM (AKA.7/64) : 13 Mei 2026												
Mohd Pareb bin Zamari @ Zamri Pengurus Kz Kraf Enterprise Lot 1191, KKB T/L 7A/9A/1, Kampung Kepala Bendang, Sayong, 33040, Kuala Kangsar, Perak													
Tuan													
PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN													
Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.													
2. Bagi memenuhi keperluan kursus Oral History and Documentation of Cultural Heritage (IMR621), dua orang pelajar daripada program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (CDIM261), Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana ingin menjalankan satu kajian dalam bentuk temubual di organisasi tuan pada 16 Mei 2026, Sabtu, jam 9 pagi.													
3. Untuk makluman tuan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah Labu Sayong, mendokumentasikan proses pembuatan dan teknik labu sayong, dan menganalisis cabaran dalam mengekalkan warisan labu sayong.													
4. Sehubungan itu, dalam usaha menyempurnakan kajian tersebut pihak kami memohon agar kebenaran bagi melaksanakan sesi temubual dapat diberikan kepada pelajar-pelajar berikut:													
<table border="1"><thead><tr><th>Bil</th><th>Nama Pelajar</th><th>No. Pelajar</th><th>No. Telefon</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey</td><td>2025177269</td><td>017-9249847</td></tr><tr><td>2</td><td>Nurul Solehah binti Rosli</td><td>2025183957</td><td>011-31055216</td></tr></tbody></table>	Bil	Nama Pelajar	No. Pelajar	No. Telefon	1	NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey	2025177269	017-9249847	2	Nurul Solehah binti Rosli	2025183957	011-31055216	
Bil	Nama Pelajar	No. Pelajar	No. Telefon										
1	NurFatin Syakirah binti Muhammad Airey	2025177269	017-9249847										
2	Nurul Solehah binti Rosli	2025183957	011-31055216										
5. Justeru, untuk sebarang pertanyaan dan maklumbalas, pihak tuan boleh menghubungi nombor yang tertera di atas. Perhatian, sokongan dan pertimbangan daripada pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.													
Sekian.													
Yang benar,													
													
DR. HANIS DIYANA KAMARUDIN Pensyarah Kanan Fakulti Sains Maklumat													
Fakulti Sains Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana 40150 Shah Alam, Selangor MALAYSIA Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148 Web: http://fss.uitm.edu.my													
													

Borang perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

KURSUS IMR621: ORAL HISTORY AND DOCUMENTATION OF CULTURAL HERITAGE

Saya Rafizah A'ilyan Bt Abd Razak K/P: 12/10/1980 pada
15 Mei 2026 (tarikh) dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah
diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti
berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada peserta temubual perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip tersebut.
3. Pihak Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh peserta temubual (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (naratif dari peserta temubual) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama peserta kajian: Rafizah A'ilyan Bt Abd Razak
Tarikh: 15 Mei 2026

Pensyarah: Dr. Hanis Diyana binti Kamarudin

Senarai soalan

NO.	SOALAN
1.	Objektif 1: Mengenal pasti sejarah perusahaan Labu Sayong di Kuala Kangsar. 1) Boleh ceritakan latar belakang bagaimana encik mula terlibat dalam pembuatan Labu Sayong? 2) Dari mana encik mempelajari kemahiran membuat Labu Sayong ini? (contohnya: warisan keluarga, guru, dll.) 3) Apakah cerita atau sejarah asal-usul Labu Sayong yang pernah encik dengar daripada generasi terdahulu? 4) Sejak bila Labu Sayong mula dihasilkan di kawasan Kuala Kangsar ini? 5) Adakah terdapat perubahan dalam pembuatan Labu Sayong dari dahulu hingga sekarang?
2.	Objektif 2: Mendokumentasikan proses pembuatan dan teknik yang digunakan dalam menghasilkan Labu Sayong. 1) Boleh terangkan langkah-langkah utama dalam proses pembuatan Labu Sayong? 2) Apakah bahan utama yang digunakan dalam menghasilkan Labu Sayong? 3) Teknik apakah yang digunakan dalam membentuk Labu Sayong (contohnya teknik lingkaran, picit, dll.)? 4) Berapa lama masa yang diperlukan untuk menghasilkan satu Labu Sayong? 5) Apakah peringkat yang paling sukar dalam proses pembuatan tersebut? 6) Adakah terdapat teknik tradisional yang masih dikekalkan sehingga hari ini? 7) Bagaimana proses pembakaran dilakukan untuk menghasilkan warna hitam khas Labu Sayong?

3.	Objektif 3: Memahami sebarang cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dalam mengekalkan warisan Labu Sayong dalam era moden. 1) Apakah cabaran utama yang encik hadapi dalam menghasilkan Labu Sayong pada masa kini? 2) Adakah generasi muda berminat untuk mempelajari pembuatan Labu Sayong? Mengapa? 3) Bagaimana persaingan dengan produk moden atau mesin memberi kesan kepada penghasilan Labu Sayong? 4) Adakah kos bahan atau tenaga kerja menjadi cabaran dalam industri ini? 5) Apakah usaha yang telah dilakukan untuk mengekalkan warisan Labu Sayong? 6) Pada pandangan encik, apakah langkah yang boleh diambil untuk memastikan Labu Sayong terus relevan pada masa hadapan? 7) Boleh encik ceritakan apakah usaha yang telah encik lakukan dalam mengusahakan perusahaan Labu Sayong ini? 8) Adakah terdapat ruang kerjasama antara pihak universiti dengan pengusaha Labu Sayong bagi menarik minat generasi muda terhadap seni kraftangan ini? 9) Dari segi ekonomi, bagaimanakah perusahaan Labu Sayong ini dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi masyarakat setempat? 10) Bagaimanakah industri Labu Sayong ini dapat menembusi pasaran luar negara, dan adakah pihak encik menjalinkan kerjasama dengan ejen atau negara lain untuk tujuan pemasaran? 11) Adakah pihak encik menganjurkan sebarang program atau acara bagi menarik minat orang ramai terhadap seni kraftangan Labu Sayong ini? 12) Adakah encik menerima sebarang bantuan, usaha, atau insentif daripada pihak kerajaan bagi membantu menyebarkan industri kraftangan Labu Sayong ini?
----	--

Gambar bersama tokoh

